

MENGINGATI PEJUANG-PEJUANG KEMERDEKAAN

Chedet.co.cc

August 28, 2008

by Dr. Mahathir Mohamad

1. Jeff Hamaz menarik perhatian kepada pejuang-pejuang kemerdekaan Malaya sebelum UMNO. Saya bersetuju kita harus beri tempat kepada orang-orang seperti Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad, Dr Burhanuddin Helmi dalam perjuangan ini.
2. Tetapi saya tidak bersetuju bahawa UMNO adalah pro-British. Kelainan antara pejuang-pejuang KMM (Kesatuan Melayu Muda) dan MNP (Malay Nationalist Party) ialah tentang cara dan pendirian. KMM sanggup menyokong Jepun dan ramai yang menjadi Heiho, angkatan separuh tentera yang didirikan oleh Jepun sementara Malay Nationalist Party mirip kiri dan bersimpati dengan Komunis yang hampir semuanya terdiri daripada orang Cina yang telah bermusuh dengan orang-orang kampung selepas Jepun kalah.
3. Pemimpin UMNO pula tidak kiri dan tidak kanan. Mereka utamakan orang Melayu yang akan hilang tanahair mereka jika Malayan Union ditubuh. Tak dapat tidak UMNO terpaksa menentang British. Hanya yang tidak dilakukan oleh UMNO ialah perjuangan ganas melalui perang gerila.
4. UMNO tidak pilih perang gerila kerana kemungkinan mendapat kemenangan melawan tentera British yang kuat, amat tipis. Lagipun perang gerila bersahabat dengan gerila Komunis.
5. Ada pihak yang berasa kemerdekaan melalui rundingan tidak sama dengan kemerdekaan melalui perperangan. Parti Islam umpamanya menyifatkan Kemerdekaan Malaya sebagai kemerdekaan setengah masak. Kita tidak dapat berbangga dengan hero-hero yang terkorban dalam perjuangan. Kita tidak boleh puja mereka.
6. Tetapi tidak siapa boleh pertikaikan kemerdekaan kita. Bukan sahaja dapat kita bangunkan negara lebih baik daripada penjajah, tetapi kita bebas menegur dan mengkritik penjajah, bahkan bertindak memboikot penjajah dan kuasa-kuasa Barat apabila mereka bertindak secara tidak adil atau ganas di mana-mana sahaja. Kita punya pendirian kita tersendiri dalam dunia antarabangsa.
7. UMNO mudah lupa jasa pejuang-pejuangnya. Bukan sahaja UMNO dan Kerajaan pimpinan UMNO tidak memberi penghargaan kepada tokoh-tokoh seperti Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad dan Dr Burhanuddin, tetapi jasa Dato Onn Jaafar pun tidak dihargai seperti pemimpin-pemimpin UMNO yang lain walhal Dato Onn bukan sahaja Yang Dipertua UMNO yang pertama tetapi dibawah pimpinannya UMNO dan orang Melayu berjaya menewas rancangan British, sebuah kuasa dunia yang baru sahaja menang perang, daripada merampas negeri-negeri Melayu untuk diberi kepada siapa sahaja yang ingin memiliki.
8. Dato Onn memimpin orang Melayu yang miskin dan daif, yang berpecah kepada rakyat masing-masing negeri supaya bersatupadu dalam UMNO dan menentang British sehingga British terpaksa tunduk kepada tuntutan Melayu dan menggugurkan Malayan Union kurang dari dua tahun ianya ditubuh.
9. Jasa Dato Onn kepada orang Melayu, kepada UMNO amatlah besar dan jasanya harus dikenang dan diberi penghargaan yang tidak kurang dari jasa Tunku Abdul Rahman, pejuang kemerdekaan.
10. Sesungguhnya orang Melayu dan UMNO mudah lupa dan kurang mengenang budi.

382 Comments

By kamimelayubaru on August 28, 2008 6:38 PM

Salam Tun,

We miss u every single day....Selamat Menyambut Bulan Ramadhan!!

By Offshore Representative on August 28, 2008 6:44 PM

Memang besar jasa UMNO besar untuk tanah air Malaysia tercinta. Malangnya suatu hari nanti UMNO akan tinggal dalam kenangan. Pemimpin UMNO sekarang sudah tidak kenal atau telah lupa sejarah. UMNO sekarang di pimpin oleh pemimpin yang tak berkebolehan ... tak bijak ... tidak peka dengan sekeliling. Presiden sekarang, Pak Lah akan tersedar dari tidur bila UMNO akan dikuburkan. Terlambat...!!

By GOMO on August 28, 2008 6:44 PM

Salam buat Tun dan Isteri semoga sihat hendakNya!!!

Jasa Dato Onn pada orang melayu sememangnya sangat besar!!!

saya lihat dokumentari di astro mengenai sejarah Dato Onn!!!

Dan Tun merupakan pewaris kepada kedaulatan bangsa melayu!!!

Tidak seperti pak lah tua kutuk yang hanya mementingkan poket sendiri dan anak beranak semata-mata!!!

Tun Pahlawan Terbilang!!!!

Selamat Menyambut Kemerdekaan Tun!!!!

We All Love U!!!!

By malaysiaku on August 28, 2008 6:44 PM

Salam Tun,

Melayu tetap Melayu.Tahniah kepada DSAl pemimpin Melayu yang bertaraf International seperti TUN (Mahaguru kpd DSAl)juga.

By Abdul Rashid BasarAuthor Profile Page on August 28, 2008 6:45 PM

Tidak rugi mengenang sejarah silam kerana ada pengajaran di sebalik kenangan.....ARB Dagang
By golok on August 28, 2008 6:48 PM

Salam buat Ayhda Tun,

Baca tulisan Ayhda di atas, teringat puisi yg dimasyhurkan oleh Ayhda sendiri..

"Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa..."

By barmember on August 28, 2008 6:48 PM

Tun,

History is written by the victors. Jasa Dato Onn kurang diketahui oleh majoriti rakyat sebab sejarah malaysia sendiri seperti yang diajar di zaman persekolahan saya tidak pernah menyebut tentang jasa beliau. Yang diceritakan hanyalah beliau telah mengasaskan UMNO tapi kemudian meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Negara. Kenapa dan apakah yang membuat beliau bertindak demikian tidak pernah diterangkan, jadi kita hanya lebih mengenang Tunku Abdul Rahman sebagai bapa kemerdekaan. Seingat saya buku teks sejarah lebih menggambarkan Dato Onn sebagai "deserter" UMNO yang kemudiannya tewas. Saya harap 100 akan datang sejarah Malaysia tidak menggambarkan tentang yang sama terhadap Tun.

By jefrizalAuthor Profile Page on August 28, 2008 6:52 PM

Dear Tun,

I agree with you. I never neglected all our past heroes. I love Malaysia and love the success especially under your era. Among all the heroes, you have missed your BIGGEST part and contribution being the most successful leader to this great nation. Thanks Tun for being our great leader. I am really proud to be Malaysian and really hope to be one of the heroes for Malaysia just like you.

By pullahAuthor Profile Page on August 28, 2008 6:54 PM

Terima Kasih Tun Dr Mahathir kerana datang ke UiTM tengahari tadi...

By ranjit on August 28, 2008 6:58 PM

Am I the 1st. Tun you are the best and my idol forever.

By PanglimaBajauAuthor Profile Page on August 28, 2008 6:59 PM

Assalamualaikum Tun,

Memang saya setuju dengan apa yang Tun kata kan.Nampak nya tabiat ini sudah menjadi kebudayaan Melayu

By hafiz on August 28, 2008 6:59 PM

السلامعليكم ورحمة الله وبركته

Al-fatihah kpd Arwah2 yg disebutkan.

Orang melayu bukan takat mudah lupa, tapi juga mudah percaya dan mudah kena tipu.

Skim cepat kaya = kena tipu

Saham internet = pun kena tipu

Black money syndicate = kena tipu juga

Gores dan menang = kena tipu lagi

Ceramah Anwar Berahim = hahaha kena tipu lagi dan lagi

By pemikir on August 28, 2008 6:59 PM

salam tun,

terima kasih atas pengetahuan.

UMNO skrg bkn shja mudah lupa namun trlalu kecil bilangan yg "berani" untuk tampil "mencabar" kepimpinan yg lemah lantas menghakiskan kekuatan parti yg semakin mghilang ini..

kurang mengenang budi satu masalah, tetapi terlalu ingin "membuktikan" kepandaian yg lebih dr pada kepimpinan yg lalu juga menghadirkn satu maslah yg lain.

"korbankanlah kuasa anda sekiranya itu adalah pengorbanan yg diperlukan bg mmbuktikan keikhlasan kpda bangsa, agama & negara" krna jasa anda juga "pasti akan dikenang" dulu kini & selamanya..

atau UMNO akan dijajah setelah berpuluh tahun parti itu dipertahankan..

By jalaksp on August 28, 2008 7:00 PM

Cara mengenang budi MESTI diasuh bukan diwarisi. Kalau UMNO tidak mengajar supaya anaknya

mengenang budi! Jangan harap PKR yang bertanggung jawab. btw Pernahkah rakyat bersetuju untuk menubuh Pakatan Rakyat? Bila ?

By syed500 on August 28, 2008 7:00 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN DAN SEMUA....

SEBENARNYA TUN, DISINI SAYA INGIN KELUAR TAJUK SIKIT NAK MINTAK TUN KOMEN SIKIT MENGENAI APA MASALAH SEBENAR DGN DATO' SERI ANWAR SEHINGGA TUN AMAT MEMBENCI BELIAU.SAYA AMAT KURANG JELAS DGN APA YG SEDANG BERLAKU. DAKWAAN AGENT YAHUDI,DAN LAIN LAIN AGENT TAK MUNASABAH. UTK APA ORG YAHUDI NAKKAN AGENT DIA MALAYSIA? MEWAH SGT KAA NEGARA KITA? KALAU APA APA TINDAKKAN YG TAK BETUL JIKA DILAKUKAN OLEH BELIAU TUKARKAN SAJA BELIAU LEPAS PILIHAN RAYA AKAN DATANG. KALAU MASALAH DIA NGAN TUN CUMA MASALAH PERIBADI, JGN BAWAK MAI KE DLM POLITIK.KALAU BENAR SEMUA TU DUHAN YG DIBUAT KEPADA DSAI KENAPA DIA DIAMBIL JADI MENTERI,TIMBALAN PERDANA MENTERI,PEMANGKU PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN?SETAKAT DESAK PAK LAH TURUN TAK CUKUP. KALAU NAK SURUH ORG BERHENTI SATU PERKARA, SEDIA ALTERNATIF KEPADA PERKARA TERSEBUT.KALAU SEKARANG PAK LAH TURUN, DSNTR TAK LAYAK, ABIH TU NAK SURUH SAPA JADI PM?

SAYA MOHON MAAF SEKIRANYA TERKELUAR TAJUK ATAU TERKASAR BAHASA, MENUNGGU PENJELASAN TUN...

SEKIAN

By takkysbn on August 28, 2008 7:01 PM

Tunku Abdul Rahman = Bapa Kemerdekaan

Tun Abdul Razak = Bapa Pembangunan

Tun Hussein Onn = Bapa Perpaduan

Tun Dr. Mahathir Mohamad = Bapa Pemodenan

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi = BapaK BOREK ANAK RINTIK

Brother Anuar Bin Ibrahim (Jikalau ter"jadi" PM) = BapaK AYAM

By apanamaAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:02 PM

Sifat kurang ajar terhadap pemimpin lampau di-pupuk oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Umno. Dari presiden, menantu presiden, balaci menantu presiden (Nazi), ketua wanita yang tak sedar diri kepada menteri besar yang tak reti bahasa inggeris.... semua-nya di-ajar supaya kurang ajar kepada pemimpin terdahulu.

Kita tunggu dan lihat akan nasib mereka ini ...Tuhan maha adil.

By mista_bullet on August 28, 2008 7:02 PM

salam tun

i'm the first..

kemeriahann kemerdekaan telah hilang..

sy anak muda terasa..

nak tengok Jalur Gemilang pun x byk..

ntah ape pak lah duk buat dgn duit kerajaan?

x meriah seperti dulu..

u r the GODFATHER

semoga shat selalu...

By wusufu on August 28, 2008 7:03 PM

Tun,

You are the best..... May you always be healthy and happy. Our country is at its loss without you.

p/s I wonder our current PM got feelings to his people or not?? At least-la read your blog, we Malaysians are voicing our concerns and frustrations.

God bless

By Mr Talang on August 28, 2008 7:04 PM

1. Tun, saya akui meneliti skop matapelajaran di sekolah, saya gagal untuk mendalami kisah perjuangan secara detail. Tanpa pemahaman yang jelas akibat modul yang ringkas, maka pelajar-pelajar dizaman saya kurang mengetahui erti sebenar bentuk sumbangan pejuang-pejuang ini.
2. Namun saya berusaha juga untuk membaca sedikit sebanyak jurnal sejarah berkaitan dengan Datuk Onn dan perjuangannya. Malah saya sempat dah masih ingat akan kisah perjuangan Mat Kilau dan Datok Bahaman yang dibukukan oleh kerajaan negeri Pahang.
3. Malangnya saya tidak melihat buku-buku ini ditempatkan dimana-mana perpustakaan di negara ini. Malah amat sukar untuk ditemui buku-buku ini perpustakaan sekolah.
4. Saya masih tertanya-tanya bagaimana pula TUN menghargai dan mengenang para pemimpin yang Tun maksudkan ini dmasa era pertadbiran Tun.
5. Mungkin saya terlepas pandang. Tapi saya tidak terlepas pandang bilamana DSAI ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri mengagungkan pemimpin yang bernama Josel Rezal... pelik ...

By masterslave on August 28, 2008 7:04 PM

hidup Tun..
ya melayu mudah lupa..?
semut di depan mata nmpk..
tp gajah di belakang buat2 tak nmpk..

By kotupat_panehe on August 28, 2008 7:06 PM

Ada pro dan kontranya bila kita mengangkat senapang dan berjuang. Akhir-akhir ini saya rasa begitu banyak sekali pertikaian yang ditimbulkan oleh pihak2 tertentu mengenai UMNO yang kononnya pengecut tidak mahu menembak British. Ada juga yang menyindir UMNO menggunakan slogan 'Hidup Melayu' daripada pejuang2 berhaluan kiri ini yang menggunakan 'Merdeka' sebagai wacana utama.

Tidakkah mereka ini selidik dengan mendalam, bagaimana UMNO bersusah payah menuntut kemerdekaan daripada British? Apakah kemerdekaan itu hanya nampak 'hero' di mata mereka ini jika kita perlu berbunuhan di sana sini? Saya tidak nampak apa rasionalnya kita membandingkan negara kita yang jauh lebih kecil pada ketika itu dengan Indonesia yang berkali2 ganda besarnya dari tanah air kita. Memanglah Indonesia menumpahkan darah menuntut kemerdekaan, tapi perlu diingat, rakyat Indonesia jauh lebih ramai, dan tentulah askar mereka juga lebih ramai. Sesetengah daripada kita pada hari ini mungkin tidak wujud; mungkin datuk,neneh dan moyang kita telah lama mati akibat terlalu memikirkan penumpahan darah daripada mencari jalan yang lebih baik untuk menunjukkan ketidakpuasan hati kita terhadap penjajah.

Walaubagaimanapun, jasa Ahmad Boestamam, Pak Sako dan lain-lainnya tidak boleh dipadamkan langsung daripada sejarah kita. Biarkan ianya menjadi peringatan buat kita, agar kita kenal asal usul agama, bangsa dan tanah air. Diharap janganlah mereka ini hanya diabadikan dalam buku-buku teks sekolah kita sahaja, biarkan nama-nama ini menonjol setiap masa, agar rakyat Malaysia dapat menerapkan rasa cinta terhadap tanah air sendiri.

By Istanatanjung on August 28, 2008 7:06 PM

Assalamualaikum...TDM
Unggapan'MELAYU MUDAH LUPA' yg telah di buat oleh TDM ketika masih menjadi PM amat bertepatan sekali.Seolah-olah TDM telah jangkakan apa yg akan dilakukan oleh PAK ANGOK PAK ANGOK selepas TDM bersara.

Fakta No.10 memang disokong 100%.Bagaimana orang di Parlimen Kubang Pasu terutamanya perwakilan UMNO boleh di beli dengan RM 200.00,saya masih kebingungan.Lupakah mereka apa yang di buat oleh TDM lebih 1/4 abad kepada mereka? Bingung! bingung! bingung!

Hasil nya apa? KEDAH DITAWAN PAS.Inilah hasil dari 'MELAYU MUDAH LUPA'
Padan muka Mahdzir Khalid.Jangan mimpi nak tawan Kedah semula tanpa minda dan olahan dari TDM.

Itu cerita Negeri Kedah,belum cerita Malaysia lagi!!!!!!

Lu fikir lah sendiri.

By tokapiAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:06 PM

Salam Tun,

Peranan UMNO sebagai penyatu orang-orang melayu Pra-Kemerdekaan tidak adak tolok bandingnya. Kalau dulu orang-orang Melayu dikiaskan ikut negeri masing2, lahirnya UMNO merubah semua ini. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, BERSATU. Itulah yang menjadi tunjang kekuatan UMNO pada ketika itu. BERSATU bersama pemimpin semasam pemimpin tersebut berjuang di jalan yang betul dan BERSATU juga menolak pemimpin yang berjuang di atas jalan yang salah.

Kini, UMNO tidak lagi seperti dulu. UMNO Baru yang telah ditubuh ini pun perlu "dibaharukan" semula setelah tiba-tiba ianya hampir lumpuh akibat kehadiran pemimpin-pemimpin yang tidak mendengar suara akar umbi. Rakyat tidak perlu merusuh, cukup hanya dengan kuasa sehelai kertas untuk menunjukkan perasaan. Namun perkara ini jelas kurang mendapat perhatian sewajarnya daripada pemimpin.

Oleh sebab inilah, generasi muda terutamanya para pelajar mula menanam TANGGAPAN bahawa UMNO ini PARTI KORUP, UMNO ini PENIPU, UMNO ini BODOH, UMNO ini LEMAH dan pelbagai lagi kata2 buruk dilemparkan. Mereka telah lupa dengan UMNO yang GAGAH, UMNO yang AMANAH, UMNO yang MEMBELA AGAMA BANGA DAN TANAH AIR.

Sukalah saya dengan ini memaparkan semula sumpah melayu sebagai mengenang jasa Dato' Onn sebagai pemimpin UMNO yang berjaya menyatukan umat MELAYU BERSATU. Mudah-mudahan kita semua memperingati Sumpah Melayu ini dan bangkit berjuang semula atas kebenaran demi AGAMA ISLAM, BANGSA MELAYU, NEGARA MALAYSIA.

Termaktub di Batu Pahat pada 8 Rabi'tul awal 1365 hb bersamaan 10 Februari 1946 Masihi..

Kami umat Melayu beragama Islam pada hari ini berjanji tidak akan berhasad dendki, khianat dan iri hati, bertelagah dan berbalah sesama sendiri. Kami berjanji akan bersatu padu dan patuh menegakkan agama Islam. Kami juga akan bekerja kuat untuk menyara diri dan keluarga kami.

Kami bersedia bersaing sesama umat Melayu dan kaum-kaum lain dengan jujur dan terhormat

Kami umat Melayu, Islam bersumpah setia untuk :

Mempertahankan kepentingan dan hak Melayu
Mempertahankan kedaulatan raja-raja Melayu
Memperjuangkan iktisad dan pelajaran bangsa Melayu
Mempertahankan maruah negara supaya aman sejahtera

ALIF, BA, TA

Wassalamualaikum..

By zali lampai on August 28, 2008 7:09 PM

Assalamualaikum Tun,

Bila semua dah terkena nanti kita akan ingat semula...

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>

By PanglimaBajauAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:12 PM

Assalamualaikum Tun,

Membaca Perkara 10. Saya ingin mengatakan yang Melayu dan UMNO sudah lupa kepada Tun dan kurang mengenang budi dan jasa-jasa yang Tun telah taburkan kepada mereka selama ini

By hanson on August 28, 2008 7:12 PM

Yang dihormati Tun,

Saya pun sedih dengan pemimpin sekarang. Mereka seperti lupa kepada jasa-jasa pejuang terdahulu. Antara pejuang-pejuang ini adalah Tun sendiri.

Seolah-olah mereka hendak melupakan segala jasa-jasa yang telah Tun lakukan. Padahal Tun adalah penyumbang terbesar kepada kemakmuran dan pembangunan negara.

Saya amat sedih Tun diperlakukan sebegitu. Saya hampir menitiskan air mata sekarang ini. Walaupun begitu, kami rakyat Malaysia akan tetap mengenang jasa Tun sampai bila-bila.

Terima kasih Tun.

By msazali on August 28, 2008 7:13 PM

Salam Tun,

Banyak kali diungkapkan orang Melayu dan UMNO mudah lupa, tidak boleh dipertikaikan lagi. Paling menakutkan ajaran Islam supaya kita menyayangi sesama manusia sudah terhakis di negara kita.

Agama kita bagai sudah tiada erti.

Namun Tun pernah kata Tun ialah seorang doktor, sekira seorang itu sakit ada ubat atau caranya.

Untuk bangsa Melayu dan Islam, apakah caranya kita balik ke pangkal jalan?

By amat on August 28, 2008 7:13 PM

salam tun

biaq pi la sama depa...nak rasa sangat

jom kita p umrah la tun...heheh

selamat menyambut ramadhan al mubarak

By malaysian peter on August 28, 2008 7:13 PM

Dear Tun,

Its a pleasure reading your article/s.

Its not only one particular group that forgets the enormous contributions of its past leaders, I believe, its the trend of our beloved people of this wonderful country.

As long as people are looking within (personal gain) and not outward (contributing, however small that may be) they are sure to have short memory power on sacrifices and contribution done by our great Heros of this wonderful nation.

By Seti on August 28, 2008 7:14 PM

Assalamualaikum Tun sekeluarga.

Tunggu punya tunggu akhirnya pukul 6.28pm keluar artikel untuk dibincangkan.

Melayu mudah lupa, lebih nampak jelas tak sampai satu tahun Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi pun telah lupa siapa dia, siapa yang memberi laluan kepada beliau, sebagai PM.

Anwar Ibrahim lagi seorang pelupa terus.

By Zarir on August 28, 2008 7:14 PM

Tun,

I must agree with you. Tongue can be sharper than sword, brain can be more useful than brawl.

I also must admit that I prefer his concept of IMP (Independence of Malayan Party) compare to Barisan Nasional concept in order to bring unity across the races in Malaysia.

By wakmes on August 28, 2008 7:14 PM

Assalamualaikum TDM.

Marilah kita sama-sama hadiahkan Fateah kepada Pejuang-Pejuang Islam yang telah membawa kemerdekaan Malaysia, Al Fateah.

Wassalam.

By dratoyAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:22 PM

Salam Tun Pak Det,

Saya suka tulisan Tun sebelum ini , tapi zaman pemerintahan TUN 22 tahun pun kenapa tak ada apa-apa rancangan khusus menghargai Dato' Onn , Ah. Boestamam , Pak Sako , Ibrahim Yaacob , Dr Burhanuddin dan beberapa tokoh wanita selain Ibu Zain. Nama mereka disebut sekali lalu kalau ada cerita latar belakang sejarah....takat tu ja.

Kalau masa tu TUN terAlpa , sekurang-kurangnya Tun dah bagi peringatan untuk perbaiki keadaan. Sayang agak terlambat sikit sebab sikap MELAYU MUDAH LUPA dah berakar jauh kedalam bumi.

Keadaan sama macam terjadi pada diri Tun, dipinggirkan orang yg Tun sendiri lantik. Memang teramat dungs dan bodohnya makhluk dari Kepala Batas ni. Alangkah baiknya ikut jejak ala-ala jiran Singapore yang sampai hari ni masih menerima pandangan LKYew, baru ada kesinambungan.

Ini sudah lah kurang bijak & pelupa, dengar pulak nasihat team Kera Jantan hingusan yang dia sorang kasihi sampai nampak sangat segala keputusan flip flop. Turun harga minyak pun bukan merubah harga barang langsung, masa naikkan tinggi melambung....memang jenis zzzzz

By hafidzr on August 28, 2008 7:22 PM

Salam Tun,

Setuju dengan pendapat Tun. kalau jasa pemimpin pemimpin terkini seperti Tun pun mereka sudah lupa, inikan lagi jasa2 pemimpin yang terdahulu.

Perjuangan pemimpin sekarang sudah jauh terpesong.

By oldedwardian on August 28, 2008 7:30 PM

Asalammualaikum Tun,

Memang orang -orang UMNO mudah lupa dan tak mahu megenang jasa pemimpin terdahulu,

Apa yang mereka sibok ialah ampu bodek pemimpin terkini di setiap peringkat.

Dan mencari apa-apa peluang untuk mereka dan konco-konco melalui penyertaan politik mereka (penyertaan bukan perjuangan politik).

Mereka jauh menyimpang dari perjuangan asal yang sangat-sangat murni untuk bangsa, tanah tumpah darah dan agama.

Kebanyakan pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian tak tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka dan tak ada semangat kasih dan sayang kepada bangsa nya. Mereka ini boleh di jual beli dengan begitu murah, sehingga tak ada nilai diri dan tidak bermaruah, banyak berpura-pura (hipocrate).

Nauzubillah min zalik, minta di jauh kan daripada pekara begini, Ya Allah Ya Tuhanku pelihara lah UMNO dan jauhilah UMNO dari orang-orang yang mengkhianati perjuangan.

Salam Tun dan selamat menyambut bulan Ramadan .

OLD EDWARDIAN

By edfazly on August 28, 2008 7:30 PM

salam semua n ape kaba rakyat malaysia

TUN

hope sentiasa sihat n akal yg tajam serta bernas...

rata2 mmg rakyat rase tertekan, maka ada yg didalam rase berbelah bahagi.. maka DSAI mendapat undi yg besar

undi DSAI terbahagi kepada beberapa

1. mereka yang menyokong kuat DSAI
2. mereka yang bosan dengan PM DSAAB serta UMNO

apa-apapun kasi peluang kepada DSAI untuk membetulkan UMNO yang dibawah kepimpinan DSAAB

take kira DSAI ni nakal atau tidak, kita sbg rakyat bagilah peluang, sapa tau manusia boleh berubah dengan sekelip mata

takpa la TUN,

TUN komen jelah dari jauh apa yang akan berlaku selepas ini

saya tetarik dengan kenyataan TUN "sbb ada pembida yg lagi berkemampuan"

takpa.. zaman srg zaman duit, kite lihat sapa yang membeli dan dibeli

tq

By anak merdeka on August 28, 2008 7:30 PM

salam TUN

that is great explanation to our current leader.....bravo

By izyz on August 28, 2008 7:31 PM

I'm not so perturbed by the current leaders not appreciating the struggles made by these great men Tun. I'm more fearful with the fact that the iPod generation does not know the struggles made by these great men. To them, the truth is what they read on the Net. This needs to be addressed immediately.

By anak2chedet on August 28, 2008 7:31 PM

Salam sejahtera buat Ayahanda sekeluarga, semoga dirahmati ALLAH SWT

Saya amat berbangga dengan ketabahan Ayahanda didalam perjuangan bangsa dan agama. Walaupun tidak seperti dulu lagi. Tetapi Ayahanda perlu tahu bahawa ayahanda tidak keseorangan dan suara-suara keramat ayahanda masih diperlukan bagi mertabatkan bangsa melayu, khasnya bangsa melayu.

Rakyat Melayu tidak semuanya mudah lupa, tetapi kami tahu dan sedang melihat akan kebanyakan bapak-bapak menteri khasnya melayu, sedang bermain dengan labu-labunya, mereka dah terlupa akan tanggungjawab mereka untuk rakyat, mereka sudah terlupa akan sejarah-sejarah perjuangan terdahulu. Adakah mereka sedar bahawa rayaat sudah tidak ingin digula-gulakan lagi, tahukah mereka tahap celik rayaat telah pun meningkat, senarion politik sekarang telah pun dibuktikan bahawa keputusan rakyat tidak dipengaruhi atas dasar simpati terhadap seseorang, tetapi kami buntu dan hilang kerpercaya terhadap barisan pemimping2 melayu lagi, hampir setiap hari kami diketawan oleh kawan2 bangsa lain diatas sifat2 mereka yang tidak seperti dibawah kepimpinan ayahanda dulu. Merak hanya pentingkan kebendaan untuk meraka, keluarga dan kekawan mereka, merak makin kaya itupun kami tahu. Ayahanda saya rindu akan kepimpinan ayahanda, pimpinlah bekanda Mukhriz "MP Jerlun" dengan sempurna agar kami dapat bertaut dengannya.

By tokdalang on August 28, 2008 7:31 PM

Salam TDM

Patah tumbuh hilang berganti. Yang diganti takkan sama dengan yang telah pergi. Beginilah kita manusia. Akan ada orang yang dikenang, disanjung dan ada juga yang dikeji dan dibenci.

Di Malaysia ini kita mempunyai ramai pahlawan dari zaman Melaka hingga kini. Bagi saya adalah menjadi tanggungjawab kita semua agar dapat mengenali, mengingati, mengambil iktibar, memahami, menyelami daripada semua peristiwa yang terjadi kepada setiap pahlawan2 Malaysia ini. Ini akan membantu kita sentiasa beringat bahawa kejayaan kita ini adalah hasil usaha orang yang terdahulu dari kita.

Namun bukan semua yang sanggup menoleh sejarah. Kini rakyat hidup dengan perasaan ketidak pastian dalam politik negara. Apalah salahnya semua pahlawan2 yang ada kini tidak kira dari parti mana duduk semeja bermusyawarah untuk memakmurkan negara. Buanglah semua pangkat, ego, fahaman politik ketika bermusyawarah. Lapangkanlah dada, tenangkan fikiran ketika bermusyawarah. Apakan daya itu hanyalah satu khayalan seorang rakyat Malaysia. Perkara begini pasti takkan terjadi kerana masing2 terlalu taksub dengan fahaman politik dan ego ketika bermusyawarah.

Saya cukup hairan kini di mana alim ulama Malaysia berada? Kenapa mufti2, ulama2, ustaz2 tidak keluar dari kepompomg mereka untuk memulakan inisiatif musyawarah sesama pemimpin politik? Bukankah mereka ini sebahagian daripada pahlawan2 Malaysia. Kita dapatti ketika di masjid mereka ini sentiasa mahukan semua jemaah sentiasa hormat menghormati, tegur menegur, sayang menyayangi sesama Islam dan manusia lainnya. Kenapa mereka kini tidak berani? Saya pernah mendengar satu ceramah yang disampaikan oleh seorang Kapt (B). Katanya dia berhenti KAGAT kerana tidak puashati dengan hirarki dalam tentera. Katanya lagi jika seorang prebet bertanya arak tu haram ke, sekerasnya suara dia berkata HARAM. Jika yang bertanya itu Kapten, dia akan berkata dengan baik, Haram. Tetapi jika yang bertanya itu Mejar ke atas dia akan bertanya banyak mana?. Dia sendiri tidak berani menjatuhkan hukum yang jelas jika ditanya oleh pegawai atasannya. Dia hanya berani bersuara apabila sudah berhenti dari KAGAT.

Agaknya inilah yang terjadi dengan kebanyakan para pemikir Islam di Malaysia. Mereka akan memberi komen kepada rakyat marhain sahaja. Tetapi pemimpin lain tidak akan di tegur. Di manakah hilangnya semangat pahlawan2 ini? Jawapannya mudah, nak jaga periuk nasi sendiri. Kalau kita lihat tidak ada seorang alim, ulama, ustaz yang berjuang mati2an menegak perpaduan sesama pemimpin dan orang yang di pimpin bersuara.

Saya kagum dengan TDM, walaupun dah bersara tapi masih mahu menyumbang untuk Malaysia. Tetapi di mana pahlawan2 Malaysia lain? Cakap berdegar dengan orang bawahan tetapi jadi tikus bila berhadapan orang atasan....hairan....

By edfazly on August 28, 2008 7:31 PM

"Sesungguhnya orang Melayu dan UMNO mudah lupa dan kurang mengenang budi".

ayat tu mmg betui.... itulah sikap yg wujud sejak azali
By deepzai on August 28, 2008 7:31 PM

Melayu memang mudah lupa, tun

By Amir678Author Profile Page on August 28, 2008 7:32 PM

Salam buat Tun,

Amat betul kata-kata Tun satu waktu dulu... Melayu Mudah Lupa.... Khasnya melayu UMNO, mereka akan ingat dan melakunkan tangisan bila RM mereka mula tergugat...
Semoga Tun terus sihat.

By The Runner on August 28, 2008 7:32 PM

Salam buat Tun dan keluarga,

Terlebih dahulu ingin saya ucapkan terima kasih buat Tun atas jasa Tun selama ini kepada nusa, bangsa dan negara sehingga tempiasnya dapat dirasai oleh keluarga saya serta diri saya sendiri.
Alhamdulillah.

On another note, I believe I am like most Malaysians who are carried away with our nation's progress that we take for granted what we have now will always be here for our children and generations to come. I believe this belief stemmed from the fact that we're convinced, under your visionary leadership, our destiny is already charted upto the year 2020 so far.

Alas, since your sad departure, the comfort from within has started to erode. Never mind the always good news by mainstream media and continuous reassurance by our ruling leaders about how our nation is progressing and the false hope portrayed by incoming FDI translated into our KLCI index that seemed to always be on a bull run. But on the ground, these eyes and ears can sense that not much have happened and that somehow the vision of a developed and proud nation is quickly fading. One after another scandalous accusations are revealed in our alternative media whilst mainstream media continues to divert attention by neither rebutting such claims nor proving that they are utter lies. The same old song about these being perpetrated by politically motivated individuals are played over and over again.

The dormant majority of caring Malaysians have started to perk up their ears and squint their eyes for a better understanding of what is happening with our beloved nation. And as proven time and time again, we shall rise above anything else to safeguard what is rightly ours.

Untuk Tun, your words do not fall on deaf ears. Anak anak Malaysia mu ini mendengar dengan tekun dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat untuk nusa, bangsa dan negara.

By syikin on August 28, 2008 7:32 PM

memang betul Tun...

Melayu mudah lupa...

Nie tiket bas pun dah naik...

Apaaniii....

We love u TUN...

By fauzie on August 28, 2008 7:33 PM

thanks for the information.. walaupun saya masih belum lahir pada tahun tersebut, tetapi saya tahu

mereka ni adalah penyumbang kepada kemerdekaan kita.. terima kasih tun..
By Amir678Author Profile Page on August 28, 2008 7:34 PM

Tun,

Melayu memang mudah lupa... Melayu UMNO cuma takkan lupa akan cara dapat RM yang mudah...
By kedah_kbg pasuAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:35 PM

Salam TUN yg dikasihi

Memang benar jasa2 pejuang2 terdahulu tidak seharusnya dilupakan.
Tanpa perjuangan mereka entah apalah nasib kita sekarang.
TUN pun adalah seorang pejuang yg tulen dan berani.
Satu dunia mengakuinya....hanya yg buta hati menafikannya..
Take care TUN..
By fawz on August 28, 2008 7:36 PM

Yang saya hormati, Tun Dr. Mahathir. Assalamualaikum.

Ramai orang Indonesia samapai hari ini bangga dengan perjuangan kemerdekaan mereka dan sering kali memperkecilkan perjuangan kemerdekaan Malaysia. Pada pendapat saya cara Malaysia mencapai kemerdekaan adalah lebih baik kerana Malaysia boleh dikatakan lebih maju dari segi pemerataan kemakmuran, serta pembangunan dan lain lain. Pejuang bangsa memang patut dihormati dan dikenang. Hidup Melayu! Hidup Malaysia!

Terima kasih,
Wassalam.

By gghehe on August 28, 2008 7:38 PM

TUN yg kukasihi..

Sy dapat rasakan melalui artikel yang TUN tulis sejak akhir2 ini, yang TUN benar2 kecewa dengan cara kepimpinan PAK LAH dan konco2 dlm mentadbir negara. Sy yakin, bukan sahaja TUN yg kecewa, malah kami sebagai rakyat juga turut merasakan kekecewaan.

Namun, PAKLAH seperti tidak dpt mengerti dengan situasi skrg, bahawa rakyat sudah tidak memerlukan beliau lagi untuk membimbing negara.

bg sy, beliau gagal dlm segala hal pentadbiran. Adakalanya, sy berfikir alangkah bagusnya jika TUN masih lagi memegang tumpuk pimpinan negara..jika ini adalah kenyataan, negara kita tak akan menjadi kucar kacir seperti ini..

PAKLAH telah membuka peluang kpd parti pembangkang untuk lebih hampir mengambil alih parlimen...tapi PAKLAH masih lagi tidak berfikiran terbuka...dan seakan lalai dgn dunianya sendiri.. TUN...

Jika PAKLAH meletakkan jawatan skalipun, sy masih tidak yakin dgn kewibawaan NAJIB..bg sy, NAJIB tidak mampu menjadi pemimpin seperti TUN....kami memerlukan seorang lagi pemimpin yg berwibawa seperti TUN..yang mampu membuka mata dunia dgn kewujudan kita..
tp jika NAJIB lah penganti PAKLAH...sy dpt rasakn yang negara kita tidak akan byk berubah...dimana kita muhu mencari lagi pemimpin2 yang benar2 memperjuangkan nsib melayu seperti pemimpin UMNO yang terdahulu? adakah masih ada...entahlah, sy pon tidak pasti....

hanya TUN sahaja harapan kami...hanya TUN saja yang masih menunjukkan kasih kpd UMNO yg suci..UMNO yang benar2 bersihh..

adakah kita masih berpeluang untuk membersihkan UMNO?

Kini, dgn kehadiran DSAI, sy rasa tidak mustahil negara kita akan ditadbir oleh keadilan..beliau mempunyai pengaruh dlm rakyat yang kuat....rakyat mahukan perubahan...adakah TUN merasakan yang DSAI mampu mentadbir negara sehebat yang di war2kan?

By chongtam on August 28, 2008 7:41 PM

Tun,

Yah Betul Tun....

Mereka yang di atas senantiasa lupa yang dibawah dan hanyat akan ingat bila mereka di bawah nanti.

TQ

By aizadismailAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:44 PM

yes tun.im totally agree with u.!

By Liam1 on August 28, 2008 7:45 PM

Tun Mahathir, you still have my utmost respect

By speedbirdAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:46 PM

at least government is doing 1 right thing by shutting down raja petra's Malaysia Today portal. The site only incinerate racial tensions and publishes irresponsible articles. RPK should be detain and kept in a hole where he belongs.

On the other hand, I truly agree with you tun, Pak lah is blind and deaf. The day UMNO sinks like the Titanic is the day he will realise what a mess he did. It will then be too late. May all the kaki ampu & kaki bodek realise this before it is too late.

By Itawa on August 28, 2008 7:46 PM

Memang benar Perjuangan Kemerdekaan tidak lagi dihayati oleh generasi muda Malaysia sekarang ini. Ini kerana ianya tidak diterap dalam diri anak muda sekarang....bagi mereka kemerdekaan adalah kebebasan untuk melakukan apa2 sahaja yang pada akal fikiran mereka fikir betul dan logik itu lah kemerdekaan bagi mereka sebenarnya. Ini disokong lagi dengan penganjuran konsert entah ke hapa...penyanyi melalak-lalak tak tentu pasal. Adakah patut dianjurkan konsert seumpama ini di malam kemerdekaan.

Di media massa juga kurang siaran yang mengimbau semangat patriotik pejuang kemerdekaan.....kita dah semakin jauh dengan nenek moyang pejuang bangsa, agama dan negara kita dek kerana terlalu leka dengan terjanji keselesaan hidup yang dinikmati sekarang.....

By ayam denakAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:51 PM

Akhirnya Tun menyerahkan bahawa ada sesuatu yang Pak Lah lupa pasal jasa Tun pada beliau. Mungkin untuk mengurangkan rasa terkilan, biarlah Allah sahaja yang membala jasa kita. Senang untuk berkata tetapi susah untuk melaksana. Salam.

By ixora on August 28, 2008 7:52 PM

Salams Tun.

Another good write up.

Tun, orang UMNO bukan hanya kurang mengenang budi Dato Onn yang telah meninggal dunia, Tun yang masih hidup pun bukannya dikenang tetapi dihentam. Saya teramat malu dengan bangsa saya.

By derek on August 28, 2008 7:53 PM

UMNO sekarang sudah tidak ada perjuangan untuk bangsa Melayu dan agama Islam lagi. Yang ada hanya 'perjuangan' untuk kesenangan diri sendiri sahaja.

By JediKnightUmno on August 28, 2008 7:53 PM

Salam Ayahanda Tun,

Betul seperti yg Tun katakan...banyak antara anak2 muda melayu sekarang yg buta sejarah..mereka lebih suka memikirkan kehadapan kononnya & tak mahu berpaling ke belakang utk menilai diri & asal usul kita. Mereka ini menggelar diri mereka Bangsa Malaysia & bangsa melayu moden yg kononnya mampu bersaing dgn bangsa lain tp masih tidak menyedari yg mereka sebenarnya belum cukup matang

utk bersaing.bak kata pepatah..Kail Panjang Sejengkal tp Hendak menduga lautan. Mereka luapa dari mana mereka & datang serta jerih perih nenek moyang kita berjuang utk Tanah air ini. Apa yg mereka tahu bila mereka lahir semuanya sudah tersedia. Sudah senang. Sudah mewah Tp buta hati & buta akal sebab tak mahu mengenal sejarah.Lupa asal usul & lupa daratan. Mereka2 inilah yg bakal merosakkan bangsa, Agama & negara kerana kealpaan mereka serta hanyut dgn kemewahan yg dinikmati tanpa bermandi peluh & tanpa bermandi darah. Bagi saya mereka inilah duri dalam daging & gunting dalam lipatan masyarakat kita. Sanggup menggadai maruah Agama, bangsa & Negara. Konon bertopengkan Keimanan tp hati dirasuk Syaitan.

Semoga Ayahanda Tun dapat terus memberi buah fikiran yg bernes utk tatapan anak2 muda pasca merdeka seperti saya ini. jaga kesihatan diri Tun. Saya mahu anak saya yg beru berusia 3 tahun ini sempat mengenali Pemimpin Seperti yg banyak berjasa kepada Negara. Amin.

By nmjnhAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:54 PM

Tun,

Memang Melayu mudah lupa.

Usah difikir kisah lama dan mereka sebelum merdeka. Jika Tun sendiri, Presiden UMNO yang baru meletak jawatan pun telah dilupakan oleh UMNO masakini, dihalang menghadiri mesyuarat UMNO, dihalang menjadi dif keraian UMNO, hingga Tun terpaksa keluar parti, nampak gayanya 'jauh panggang dari apilah' generasi kini akan memperingati jasa-jasa generasi terdahulu.

<http://blog4pro.blogspot.com/2008/08/pressure-on-pm-to-step-down-piles-up.html>

By melanaulikoAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:54 PM

Asalamualaikum whbk Tun,

Saya amat bersetuju dengan pendapat Tun seperti diutarakan diatas. Lupa merupakan sesuatu yang lazim bagi orang-orang yang taksub.Melupakan sejarah pula merupakan suatu yang membahayakan terutamanya bagi sesebuah bangsa. Lantas saya cadangkan agar pendidikan sejarah(ART) dan sains disama pentingkan dalam sistem pendidikan nasional (50/50). Kedua...hanya mewujudkan hanya Sekolah Kebangsaan SAHAJA....demi masa depan negara.

TQ

By mesin taip burukAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:55 PM

Assalamualaikum Tun,

Tulisan Tun kali ini penuh kekecewaan, kekesalan lantaran sikap orang UMNO (yang dipimpin oleh Tun suatu ketika dahulu) bersikap tidak mengenang budi dan jasa. Itulah lumrah orang kita, Tun. Orang Melayu.

Saya percaya ramai di kalangan kita pun tidak mengenang jasa dan budi ibu bapa mereka inikan pula pemimpin2 yang mereka sendiri tidak mengenalinya (melainkan mendengar nama dan melihat gambar melalui buku/akhbar).

Jika pemimpin UMNO sekarang memang tidak mengenang jasa pemimpin2 mereka terdahulu termasuk Tun sendiri, saya percaya apabila pemimpin2 sekarang ini pergi, mereka jika tidak pernah diingati, apatah lagi pemimpin yang tidak pernah membuat jasa kepada agama, bangsa dan negara.

Namun, Tun jangan risau kerana saya dan kami2 semua para komentar di Chedet.com sememangnya sentiasa mengenang jasa2 Tun yang telah berjaya membangunkan negara, bangsa dan agama ke peringkat yang agak tinggi sebelum ini.

Jasamu Tun dan lain2 pemimpin UMNO terdahulu sentiasa kami kenang... Insya-Allah

By shazrimAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:58 PM

Salam

"10. Sesungguhnya orang Melayu dan UMNO mudah lupa dan kurang mengenang budi."

Saya sebagai generasi muda, yg terlalu mudah amat berasa kecewa tentang tahap pemahaman sejarah negara. Sy sendiri tidak melupakan sejarah bangsa saya, yg saya kecewa adalah betapa ramainya rakyat malaysia yang mudah lupa tentang sejarah. Saya memahami maksud tersirat posting ayahanda. Sesungguhnya saya kecewa dgn pemimpin2 Melayu yg masih mementingkan diri sendiri, yg sombang dan bongkak kerena tidak mahu merujuk kepada pemimpin2 terdahulu dalam soal pentadbiran negara. Kenapa perlu membuang terus pemimpin dahulu? Cuba tengok "Israel Asia" yg tidak membuang pemimpin yg telah meletak jawatan, sebaliknya mereka yang dijadikan penasihat. Jadi kepada pemimpin yang mendatang, renung-renungkanlah sejauh mana tahap kesedaran kita untuk menghargai pemimpin2 lama.

Shazrim Sharif

UiTM Kedah

By HasJebatAuthor Profile Page on August 28, 2008 7:59 PM

Tun yang amat dihormati dan dikasihi,

Assalamu'alaikum. Sesungguhnya seperti yang dinayatakan Tun orang Melayu dan UMNO kepimpinan Dolah Badawi mudah lupa dan tidak mengenang budi. Melayu yang dah kaya mendongak ke langit tanpa menghiraukan kegelisahan bangsanya yang dilanda nestapa akibat teraju yang tidak tentu hala oleh pemimpin yang mentadbir negara sekarang ini. Mereka asyik untuk membolot harta dan mementingkan diri, manakan ingat untuk mengenang jasa pejuang kemerdekaan tanah air. Tak seperti bangsa lain yang telah tidak silu-silu lagi menyuarakan untuk mengiktiraf Chin Peng dan komratnya sebagai pejuang kemerdekaan...dan orang Melayu mudah lupa dan asyik bersengketa sama sebangsa untuk kepentingan diri.

By matsalleh on August 28, 2008 8:02 PM

apa sudah jadi dgn org melayu skrg...

betapa payahnya Onn Jaafar menyatakan orang melayu untuk kemerdekaan negara kita...bukan sekadar kemerdekaan malah perpaduan antara kaum...sedarlah wahai pemimpin2,jangan pentingkan diri sendiri...pikirlah masa depan rakyat untuk kesejahteraan negara kita yang dahulunya aman walau dilanda krisis ekonomi yang teruk 97/98 dahulu...satupadukan rakyat...pahami masalah rakyat...pahami keperluan rakyat...UMNO suda mula longlai...adakah patut rakyat akan mula sedikit demi sedikit menyokong perjuangan Datuk Anwar...mungkin!!!siapa tahu....dengan senario sekarang menurut pandangan rayat,ANWAR hanya tinggal sebelah kaki melangkah ke Putrajaya...sesal dahulu pendapatannya sesal kemudian tidak lagi berguna...rakyat tidak mahu kepada kerajaan rasuah,kerajaan yang tidak bijak membuat keputusan yang sudah menjadi buah mulut sekian lama

By anggunjelita.comAuthor Profile Page on August 28, 2008 8:03 PM

kenapa UMNO mudah lupa?

Itu saja soalan dari saya

Noor

www.anggunjelita.com

By Anjang AkiAuthor Profile Page on August 28, 2008 8:05 PM

Kerana kita tidak di ajar sejarah mereka ketika di sekolah dan sejarah juga tidak di ajar dalam bentuk untuk kita faham dan menghargai mereka. Kita korbankan kesan kesan sejarah demi pembangunan, keutamaan ialah untuk sains dan teknologi. Kampung Baru juga akan roboh dalam arus pembangunan, malah ketika zaman Tun juga Stadium Merdeka pernah dicadangkan untuk dirobohkan. Sekadar manakah semangat patriotism dapat disemarakkan sekiranya semua hanya dipelajari dibilik darjah

menghafal nama dan tarikh semata-mata.
By a.w on August 28, 2008 8:06 PM

thanks Tun
By xxx Abdullah on August 28, 2008 8:07 PM

Selamat petang Tun,
Saya amat setuju dengan Tun bahwa kita harus menghargai jasa2 para wirawan negara kita yang telah berkorban dengan cara 'gentleman' dalam merebut kemerdekaan suvarabumi kita dari pihak British. Ada pihak yang pasti tidak berpuas hati dengan cara pemimpin kita terdahulu memenangkan kemerdekaan kita dengan coretan sebatang pena diatas selembar kertas.....always remember the pen is mightier than the sword.

Kita harus berbangga kerana tidak ada satu tetes darah yang tertumpah ke tanah pusaka ini apabila kita merebut kemerdekaan negera tercinta. Kita tidak harus tunduk kepada sesiapa seperti negara jiran kita Indonesia.

Mereka merebut kemerdekaan mereka dengan cara yang mengganaskan sehingga ramai nyawa yang tidak berdosa berkorban begitu saja. Tetapi hakikat yang sebenarnya hingga sekarang negara tersebut belum secara sah merdeka dari negara Belanda dan mereka hanya boleh berbangga dengan istilah 'menghalau' orang-orang Belanda.

Jadi buat orang2 indonesia yang sudah bermastatin disini dan telah menjadi warganegara bumiputera Malaysia berganggalah dengan cara kita mencapai Kemerdekaan yang gentleman dan tidak barbaric....membawa tradisi yang buruk kesini

Take care Tun
By sa_turn on August 28, 2008 8:07 PM

TUN,
PERSOALAN DARI SAYA..
1.KEMANAKAH HALA TUJU KITE SEKIRANYE ANUAR MENJADI PM...
2.SIAPAKAH PENGANTI ANUAR SEKIRANYE DIE JADI PM?
3.ADAKAH HAK-HAK ORG MELAYU AKAN DIBUBARKAN SEKIRANYE DIE MAHU JADIKAN M'SIA NI SEBUAH NEGARA YANG ADIL "MALAYSIA IS MALAYSIAN"

MENGIKUT PENDAPAT SAYA KABANYAKAN ORG KANAN ANUAR TERDIRI DARIPADA ORG BUKAN MELAYU..DAN MUNGKINKAH PERDANA MENTERI NEGARAINI AKAN JATUH KETANGAN BANGSA ASING???

By JobsBroadway.comAuthor Profile Page on August 28, 2008 8:07 PM

Tun, bless us all. You have been creating alot of awareness about so many issues. What's the next job for Malaysian?

By APKINGS on August 28, 2008 8:09 PM

Ramai melayu cepat lupa apa yang sudah berlaku sekarang....bagaimana mereka ini ingati sejarah 50 tahun dulu?

By umno muda on August 28, 2008 8:09 PM

Y. A. Bhg. Tun,

1. untuk hari ini, saya masih lagi sayangkan umno. saya juga pasti takkan terlepas dari gelaran melayu yang mudah lupa.
2. setelah membaca tulisan tun, apa yang paling penting , sejarah mengajar kita untuk tidak mengulangi kesilapan sama.
3. saya cuba untuk menyorot pendapat tun dengan keadaan yang berlaku dewasa ini.
4. kita dipertontonkan dengan senario yang melanda negara-negara kecil dunia. Kekuasaan dunia didominasi oleh satu kuasa raksasa sahaja. Kuasa ini giat meningkatkan kekuatan ketenteraanya serta

berhasrat meluaskan pengaruhnya di serata dunia. Kuasa besar ini sanggup membelakangkan undang-undang antarabangsa dan meminggirkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu demi mencapai hasrat dan matlamatnya.

5. Lihat sahaja pencerobohan dan serangan yang disertai senjata-senjata besar dan kuat seperti yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya Israel terhadap Iraq dan Palestin seharusnya menjadi iktibar kepada pemimpin muda.
6. mesej ingin saya sampaikan jelas, untuk tidak mengulangi penjajahan baik dari bentuk apa sekalipun.
8. untuk pengetahuan tun, tun merupakan tokoh idola saya, oleh sebab itu saya menyimpan banyak buku berkaitan tun dan artikel; terutama dalam ensiklopedia tun sebanyak 10jilid, kesemuanya telah selesai saya baca.yang pasti, saya cukup teruja dengan tujuan demti tujuan idea tun.
9. akhir sekali, seperti sebelumnya, saya sentiasa mendoakan agar 'lahir lagi seorang Mahathir' untuk menerajui malaysia disaat getir ini...
selamat "melestarikan kemerdekaan"...

By kameer77 on August 28, 2008 8:10 PM

Thanks again Tun for reminding.

UMNO, please return to your roots where the spirit is pure.

May you find the strength to change the needful. Amin.

By monola on August 28, 2008 8:11 PM

Dear Tun,

Adakah orang Melayu hari ini menjadi semakin kuat atau semakin lemah... salah siapa kalau mereka menjadi semakin lemah... adakah kerana ME-LAYU itu menjadikan kita semakin lama semakin layu..?
Adakah kerana kita sudah terlalu manja dengan segala pertolongan yang diberi oleh kerajaan melalui DEB hingga menjadikan kita lemah dan lupa apakah hari esok masih sama....? Kemenangan PR patut membuat kita tersentak...langit tak sentiasa cerah... siapaka yang akan benar2 bangkit untuk memperjuangkan Bangsa Melayu... kita akan sentiasa menyerah satu persatu hak kita atas alasan perpaduan dan kerjasama sedangkan orang lain takkan berganjak seinci pun dari apa yang mereka telah sedia ada... malah sentiasa menambah...

By "My Way" on August 28, 2008 8:13 PM

Dear Tun and Everybody,

Assalamualaikum YABhg. Tun

Kita patut bersyukur kerana pengorbanan orang terdahulu menentang penjajahan British samada sebelum maupun selepas penubuhan UMNO telah berjaya. Matlamat perjuangan mereka cukup jelas dan semoga roh mereka ditempatkan bersama orang-orang yang dikasihi Allah.

Kaum Cina juga berjuang tetapi bermatlamat membala dendam terhadap orang Melayu yang berkompromi dengan Jepun. Jepun bertindak keras terhadap kamu Cina rentetan perperangan Jepun-China. Jepun merampas banyak harta orang Cina yang kaya, orang Melayu kebanyakannya tiada harta. Orang Melayu guna kesempatan berbaik dengan Jepun untuk menyingkir British dari Tanah Melayu. Lompang diantara pengunduran Jepun dengan kemasukan semula British diguna oleh MPAJA untuk membala dendam terhadap orang Melayu.

Penubuhan UMNO yang memperjuangkan kemerdekaan sepatutnya dikenang sampai bila-bila. Segala jasa bakti mereka amat berharga bagi sejarah perjuangan bangsa.

YABhg. Tun juga adalah pejuang tulen yang memperkenalkan pelbagai dasar demi memerdekakan orang Melayu dari penjajahan pemikiran, ekonomi, budaya dan politik. YABhg. Tun telah mengajar kita erti kemerdekaan dan pengisianya dengan roh dan acuan kita sendiri.

Semoga YABhg. Tun sekeluarga dirahmati Allah.
By malan3395 on August 29, 2008 8:56 AM

Dear Tun,,

Akhirnya kbnaran terbukti. Arwah ayah sy pengikut Dr Burhanudin Al Helmi. Sbab tu bl dia bc buku sjarah yg sy blajar dia tk brapa suka. Katanya bnyak fakta tlh diputarbelitkan. Shingga akhir riwayatnya ayah sy xpernah skong Umno. Dia setia pada perjuangan Dr Burhanudin. Cuma 1 je yg ayah sy tk suka kt Dr. Burhanudin ni. Beliau tk percayakan Tuhan. Nsib baik ayah sy tk pndah Indon dlu swaktu kerajaan buat operasi bersihkan dr parti haluan kiri. Bnyak rkan ayah sy la ni duk kt Indon pastu anak diorang jd pati kt Mlsia. BTW I'm proud to be his son as a part of pejuang kemerdekaan yg dilupakan. Sume ksah sjarah dlu ayah sy citerkn tk sama dgn buku sejarah yg kami adik beradik (10 org) blajar. Kami bangga kerna tau sejarah sbnarnya bkan mcm robot yg hnya diprogramkan oleh kerajaan.

By moyabira on August 29, 2008 8:59 AM

Salam Tun,

MELAYU TIDAK AKAN LUPA jika

- a) Orang melayu menuntut kemerdekaan secara perjuangan berdarah seperti orang Indonesia, jadi mereka betul-betul menghargai perjuangan datuk nenek mereka.
- b) Orang melayu mengamalkan atau menghayati konsep Islam yang sebenarnya.
- c) Orang melayu di zaman pemerintahan jepun, didera, dipancung.
- d) Orang melayu yang merantau atau bermastautin ke negara luar dimana mereka mempunyai jati diri yang kuat dan ingin berjaya.

By Putra1308 on August 29, 2008 9:01 AM

Salam Tun,

Kita semua sayangkan negara kita. Pejuang-pejuang dahulu bertungkus lumus untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajah. Mereka sanggup berkurban nyawa demi mencapai cita-cita tersebut. Namun tetapi pemimpim Malaysia sekarang tak layak di gelar pejuang. Mereka sebenarnya pemusnah. Negara makin kucar kacir. Rakyat memerlukan seseorang yang dapat membantu mereka. Dahulu kita ada TUN, sekarang TUN telah bersara. Siapa lagi yang layak?

By asamdidaratAuthor Profile Page on August 29, 2008 9:05 AM

melayu ibarat 'bagai kacang lupukan kulit', Tun. melayu senang saja untuk dipergunakan dan dikasi buah tangan. saya rasa tidak ada satu pun ahli politik malaysia hari ini yang bersikap ikhlas terhadap mempertahankan kepentingan rakyat malaysia.

By rasrahma@55Author Profile Page on August 29, 2008 9:09 AM

Assalamualaikum Tun sekeluarga,

You are my idol and during your tenure as a PM your vision,mission and your thought are much much ahead from the rest of the ministers and also layman. People always misinterpret your genuine and

sincere intention and yet they are hurling accusations/allegations toward you. Why Tun? Its because these people were unable to catch up with your pace and also they are not thinker. It is sad as all these people don't even want to say a THANK YOU for what you have done for the nation. If I'm not wrong and during one of the interviews by the CNN when the questions post to you "how would you like to be remembered?" your answer was nothing. When I heard your reply, my tears was streaming line.

I fully concurred with your idiom, MELAYU MUDAH LUPA. When I look at the present cabinet ministers, majority of them are in this categories. When Tun was in power at that time they kiss your hand and now they criticising you and worse still they dont even respect you. I just hate all these BEAST. I dont support UMNO anymore until these bunch of jokers stepdown.

Tun, my family and I are your ardent supporters. Thank you Tun "KERANA MU" Malaysia has been known and developed.

Take care your health and salam to TSH too.

By azizal on August 29, 2008 9:13 AM

aku nak tengok si anwar tuu memerintah macamana?

wahai orang melayu..marilah kita bersatu. Wahai orang melayu jangan biarkan kedaulatan orang melayu dan negara kepunyaan orang melayu ini diperintah oleh orang bukan melayu pada suatu masa nanti... lihatlah apa yang terjadi pada singapura... Silap haribulan Pulau Pinang akan keluar dari negara yang diperintah oleh orang melayu...

pesan kepada anwar....

fikirkanlah untuk bangsa anda sendiri yang bernama melayu...
bukan untuk kepentingan sendiri.

untuk ayahanda...

duduklah semeja dgn mereka pemimpin melayu-melayu ini bagaimana menyatupadukan melayu supaya negara malaysia tidak tergadai suatu masa nanti....

By mdz5046Author Profile Page on August 29, 2008 9:15 AM

[PART 1]

Salam TUN,

1. Maaf TUN. Apa yang saya nampak sekarang ialah UMNO, PAS, PKR, DAP dan etc. akan berkubur selepas ini. Kelam kabut berlaku krn melayu-islam telah berebut kuasa pemerintahan. Yahudi dan sebahagian besar musuh islam menanti2 saat yg sekian lama mereka nantikan. Kerana mereka sgt takuti & percaya setelah mengkaji Quran dan Hadis bahawa islam akan bangkit dari Timur setelah sekian lama ditindas oleh mereka. Mereka berusaha siang dan malam untuk menghalang keputusan Allah ini.

2. Kebangkitan islam datang bila Allah bantu umat islam. Bila bantuan Allah akan datang?
Bantuan Allah akan datang bila org islam bangun meneruskan kerja nabi. Apa itu kerja nabi? Kerja nabi ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkarann.
Apa itu kebaikan? dan apa itu kemungakaran?

Kebaikan ialah manusia menerima dan setuju bhw Tiada tuhan selain Allah, Tiada yg beri manfaat atau mudarat selain Allah, Tiada berkuasa selain Allah dan Muhammad adalah Pesuruh Allah.
Kemungkaran ialah manusia memperseketukan Allah dgn selain dr Allah spt memuja dan menyembah selain Allah.

3. Ini bermaksud orang islam perlu bangkit buat kerja nabi iaitu mengajak orang yg belum islam tanpa paksaan utk terima islam. Maknanya orang islam perlu mendakwahkan kalimah yg mulia ini kpd mereka utk mereka terima. Inilah kerja nabi.

4. Bila orang islam buat kerja nabi spt Nabi saw maka bantuan Allah akan datang. Sepertimana firman Allah, Kamu bantu Allah (sebarkan agama spt Nabi SAW lakukan) , maka Allah akan bantu kamu.

Kerja Nabi merupakan Nubuwat. 13 tahun Nabi saw menjalakan Nubuwat.

Sahabat2 nabi saw memeluk islam dan bersama2 nabi menjalankan Nubuwat. Dengan jalankan kerja Nabi, sahabat dikurniakan iman yg teguh di hati mereka. Yg mana sebelumnya mereka adalah hanya golongan jahiliah.

Iman teguh dihati ialah kalimah iman, Tiada tuhan selain Allah ada dihati mereka. Kalimah iman masuk dlm hati mereka melalui perantaraan kerja nabi.

Inilah sebab sahabat bertukar dr golongan yg jahiliah kepada golongan yg mulia. Setelah sahabat memiliki iman yg teguh dgn Allah. Maka, di Madinah Allah bantu Nabi dan sahabat2nye. Allah kurniakan janji Allah kpd mereka iaitu bantuan Allah. Di Madinahlah Allah turunkan byk perintah2 Allah.

5. Di Madinahlah Allah kurniakan Khalifat(kuasa pemerintahan) kpd Nabi dan sahabat. Inilah orang PAS muhu dan faham, dgn dpt kuasa dpt jalankan hukum2 Allah termasuk hudud. Mereka sebenarnya lupa kuasa pemerintahan diberi oleh Allah setelah segolongan dr manusia di muka bumi Allah ada IMAN yg Allah muhu.

6. Maaf TUN, pemerintahan yg Allah kurniakan kpd TUN dan pemimpin2 kita sebelum TUN adalah kurniaan Allah. Dan pemerintahan sedemikian yang Allah beri selama ini berjalan krn tiada segolongan manusia yg ada iman spt yg Allah muhu. Sebab itulah pemilihan pemimpin berdasarkan parti(sistem orang barat yg menghasilkan manusia yg berpuak2 dgn parti masing2). Tetapi tidak berdasarkan siapa yg paling beriman dan beramal soleh dr kalangan kita sbgmana pemilihan pemimpin/ketua yg berlaku semasa zaman Abu Bakar r.a, Umar r.a, Uthman r.a dan Ali r.a.

Kenapa tiada iman yg Allah muhu di hati?

Krn umat islam di Malaysia dan seluruh dunia tinggalkan perintah Allah yg pertama setelah jadi islam.

7. Apakah perintah pertama? perintah pertama ialah buat kerja nabi. Iaitu mengajak orang yg belum islam tanpa paksaan utk terima dan setuju bhw Tiada tuhan selain Allah, Muhammad adalah pesuruh Allah. Iaitu mendakwahkan kalimah Lailahaillallah MuhammadaRasulullah kpd org bukan islam. DAN kpd yg islam diajak kpd perintah2 Allah. Apakah kesan bila buat kerja nabi? Kesannya ialah Allah akan masukkan kalimah iman dalam hati spt sahabat2 nabi.

8. Setelah terima islam, sahabat2 tak masuk madrasah utk kuatkan iman. Sahabat tak belajar ilmu byk2 spt yg dikhabarkan kpd kita setiap kali duduk dalam majlis ilmu di masjid atau surau utk kuatkan iman. Apakah sahabat2 buat sehingga mereka dpt iman yg Allah muhu?

9. Mereka buat perintah Allah yg pertama. Iaitu kerja nabi. Cthnya, Abu Bakar r.a telah buat kerja nabi dgn mendakwahkan kalimah kpd kwn2nya yg belum islam. Hari pertama 4 org. Kedua 5 org. Dan semua sahabat2 setelah masuk islam mereka bersama buat kerja nabi.

10. Disini orang PAS hilang punca. Nak kuasa pemerintahan dgn jalan sistem berparti. Mereka yakin dgn kuasa pemerintahan dpt jalankan pemerintah islam spt di Madinah. Mereka LUPA, nabi dan sahabat2 dpt kuasa setelah mereka jalankan NUBUWWAT, 13 tahun di Mekah. Kemudian Allah kurniakan mereka KHALIFAT (pemerintahan), 10 tahun pd zaman Nabi hidup di Madinah. kemudian diteruskan khalifat pd zaman Khulafak Ar-Rasyidin. Sebab itu sampai sekarang PAS belum dibantu oleh Allah. Sebab yakin dgn kuasa dpt jalankan pemerintahan islam.

11. Allah tak suka dgn yakin sedemikian. Allah tak bersekutu dgn kuasa utk tegakkan agama. Kalauolah Nabi perlukan kuasa nak jalankan agama Allah. Dah lama Nabi terima tawaran Abu Jahal utk beri kuasa sebagai ganti Nabi saw hentikan dakwah kalimah Allah kpd manusia. Allah dan Rasul tak perlukan kuasa utk tegakkan agama. Kuasa diberi kpd manusia sbg dugaan kpd mansusia.

12. Kepada yg tidak ada iman, kuasa didapatkan utk bolot harta dunia. Kpd yg ada iman spt sahabat2, kuasa pemerintahan digunakan utk sebarkan agama spt Ayat Allah dibawah;

Surah AnNur. [55] Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelumnya mereka:

Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekuTkan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.

By mdz5046Author Profile Page on August 29, 2008 9:15 AM

[PART 2]

13. Disini jelas, Allah akan kurniakan pemerintahan kpd orang2 yg beriman. So, orang akan tanya, siapa lagi yg sekarang betol2 ada iman yg Allah mahu spt sahabat? Inilah yg Nabi saw bgtau, lebih kurang buni hadis..selepas zaman aku, islam akan kembali lemah, dan islam akan bangkit kembali dari timur...satu golongan yg iman mereka kuat spt waja yg dikurniakan panji2 hitam (kuasa pemerintahan)iaitu banu tamim. Inilah yg diidamkan oleh Shaari dr Arqam. Dia dan pengikutnya menyangka merekaalah banu tamim yg Nabi saw sebutkan tu.

14. Tetapi ternyata sekali sangkaan mereka meleset krn Arqam telah Allah tundukkan. Satu perkara yg Allah suka, Allah akan bantu dan tambah kekuatan spt Nabi saw dan sahabat2 di Mekah, asalnya sikit dan lemah. Tetapi usaha yg Nabi saw dan sahabat2 jalankan ialah usaha yg HAQ, akhirnya Allah bantu mereka.Di Badar mereka menang, 313 versus 1000. Arqam? Allah hancurkan mereka....

15. Jadi nyata sekali, yahudi cuba patahkan dan cuba menidakkannya apa yg Nabi saw bgtau dlm hadis tadi. Mereka cuba sungguh2 utk halang banu tamim dr menjadi benar2 wujud di timur. Mereka manyangka PAS, UMNO, Arqam.....tp tidak.

16. TUN, Allah akan kembalikan orang islam berkuasa di muka bumi Allah bila org islam jalankan dakwah nabi2, iaitu ajak manusia yg belum islam kpd islam. dan ajak yg dah islam kpd perintah2 Allah (perintah pertama buat kerja nabi dan kedua solat)

17. Bila segolongan org islam buat kerja nabi, Allah akan bantu org islam. Allah akan angkat dr kalangan yg buat kerja nabi jd ketua org islam. Dia akan memimpin kita dgn mengajak kita meneruskan kerja nabi kita. Mereka2 ini teruskan dakwah nabi spt yg berlaku di Madinah. Dimana sahabat2 diantar oleh Rasulullah saw utk dakwahkan raja2 Rom dan Parsi utk terima islam. Kalau raja2 mereka menolak, mereka diminta bayar jizyah, kalau enggan barulah ketiga perang.

18. Mereka akan dakwahkan Lim KitSiang Karpal Sigh Lim Guan Eng utk masuk islam. Mereka akan bgtau kpd yg tak mahu islam ini utk terima islam.

19. Inilah zaman org islam dikurniakan kembali KHALIFAT setelah mereka2 ini jalankan usaha NUBUWWAT. Inilah kebangkitan islam dari timur yg digeruni oleh Yahudi.

20. Sebab itulah dikatakan tadi UMNO, PAS, PKR, DAP akan berkubur setalah ini. Orang islam akan diangkat jd ketua (KHALIFAT) sbgmana janji Allah dlm surah AnNur-55 diatas tadi. Setelah mereka jalankan NUBUWWAT.

21. TUN janganlah bersedih, Allah akan angkat pemimpin yang baik setelah ini setelah mereka2 ini jalankan perintah Allah yg utama ini iaitu jalan NUBUWWAT. Setelah ini bukan Pak Lah, bukan Anwar, bukan Nabib, bukan Hj Hadi dan bukan sesiapa melainkan orang yg Allah sayang diangkatkan jd ketua orang2 islam...Insyallah.

22. Saya doakan dgn adanya pemimpin yg Allah kehendaki ini, semua hasrat TUN utk melihat orang islam kembali gemilang dan terbilang, maju dan berkualiti akan Allah makbulkan. Jambatan bengkok, double railway akan Allah siapkan...orang melayu-islam akan Allah ubahkan jd islam yg cemerlang.

23. Singapura dan Yahudi akan gigit jari melihat orang2 islam di Malaysia menerima bantuan Allah.

Wassalam....

By khairi ali on August 29, 2008 9:15 AM

Salam Tun, Mengenang mereka yang berjuang untuk kemerdekaan adalah wajar. Malah, kita patut iringi dengan doa dan ratib agar mereka berada dalam rahmat Allah azzawajalla.

Cuma, apa yang dikehendaki oleh generasi Melayu hari ini ialah bagaimana nak mengekalkan status orang Melayu, yang diseliputi oleh perpecahan dan perbalahan. Dengan kata lain, segala pengalaman orang terdahulu yang relevan dengan situasi sekarang, perlu diketengahkan agar menjadi pedoman kepada generasi sekarang.

Misalnya, tidak semua orang Melayu terdahulu bersatu, malah mereka pun turut berpecah dalam kandang haluan kiri dan kanan, sehingga ada yang sanggup menjadi talibarut, dan tidak kurang juga yang percaya Melayu mampu memerintah.

Masalahnya, bila Melayu memerintah, dan selepas 50 tahun, negara atau wilayah tercintanya didapati semakin meminggirkan mereka, malah boleh dikatakan wilayahnya kini semakin terjatuh ke tangan yang bukan-Melayu, tapi seperti juga Melayu, ke tangan warganegara Malaysia!

Wilayah tercintanya telah dikongsikan dengan kaum lain yang sewarganegara! Kaum ini pula menekankan meritokrasi... dan saya kira tidak ada salahnya dengan meritokrasi, sebab Islam pun demikian juga. Cuma meritokrasi mereka ini perlu diiringi oleh tanggungjawab kepada mereka yang tidak berada dalam kategori tersebut, dan orang Melayu yang berlandaskan Islam, tahu apa tanggungjawab mereka kepada yang tidak berada dalam kategori meritokrasi tersebut. Ini kita dapat lihat dalam tanggungjawab kita kepada golongan asnaf.

Tapi percayalah, Cina Malaysia atau pun India Malaysia, tidak menghiraukan pada tanggungjawab ini. Mereka cakap saja fasal keadilan, tetapi kaum mereka yang daif dan lemah, tidak pula mereka pedulikan, melainkan meletakkannya ke atas bahu kerajaan semata-mata. Islam bukan begini... Kerajaan hanyalah menjalankan tugas facilitate, tetapi ummah yang memikulkan peranan dan aktiviti. Ini tidak berlaku dalam bukan Islam.

Sayangnya, orang Melayu tidak mengamalkan apa yang telah diajar dan ditunjuk oleh Islam, sehingga mereka takut pada bayang-bayang mereka sendiri. Khususnya, takut hilang ketuanan. Sedangkan ketuanan itu perlu menjalankan tugasnya amar maaf nahi mungkar, jika tidak umat atau bangsanya sendiri akan menentangnya!

Ini adalah realiti dan hakikat. Melayu perlu kembali kepada ajaran agamanya, dan pemimpin perlu menjadi tokoh yang memandukan anak pimpinannya ke jalan yang telah ditunjukkan oleh agama.
By lisa on August 29, 2008 9:18 AM

Assalamu'alaikum buat Tun yang disayangi..

Membaca coretan Tun di pagi Jumaat yang mulia ini membuatkan hati saya tersentuh lagi.. Kenapa orang-orang Melayu kini seperti terlupa tentang perjuangan pejuang-pejuang Melayu terdahulu.. Saya takut kalau-kalau orang Melayu tersedar apabila keadaan sudah menjadi begitu terlambat.. Pejuang-pejuang terdahulu seperti Dato' Onn dan Tun sendiri telah bertungkus lumus untuk menaikkan martabat orang-orang Melayu tanpa meminggirkan kaum-kaum yang lain, tetapi kenapa kini orang Melayu telah menjadi terlalu lemah, lupa diri, lupa jasa insan terdahulu? Bangkitlah wahai bangsaku.. Bersatu padulah kita menentang musuh durjana.. Jauhkan persengketaan.. Buangkanlah perasaan dendam kesumat itu.. Tiada gunanya kita menyokong tali barut penjahat sekiranya ianya akan merosakkan anak bangsa, agama dan negara kita.. Sedarlah... jangan terlena lagi..

Selamat Menyambut hari kemerdekaan buat Tun dan keluarga yang dikasihi..
By meaz on August 29, 2008 9:19 AM

Assalamualaikum Tun,

Pertama kali bagi komen dalam ruangan ini. Tak pasti samada komen ini dibaca atau tidak.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Kemerdekaan yang ke-51 kepada semua rakyat Malaysia.

Saya dilahirkan dalam zaman pemerintahan Tun menjadi Perdana Menteri. Bagi saya pejuang yang paling saya kenangi dalam zaman saya ialah Tun.

Harap dapat baca lagi tulisan Tun yang seterusnya.

By justmy2SEN on August 29, 2008 9:21 AM

By lextcs on August 28, 2008 9:37 PM

lim kit siang thinks that the way ppauh voters votes translate into the dawn of a new bangsa malaysia.....personally i think that's altogether bullshit(sorry to use such lingo).....could a chinese or indian or other race other than a malay be prime minister?

Sekarang ni pulak sibuk dgn dakyah yg paling superficial aku pernah dgr = MALAYSIAN MALAYSIA...main cakap sesuka hari je Malaysian Malaysia kena equal in everything...ye la tu...equal kat dia..suppress utk kita...bila aku tanya forumner cina apa characteristic Malaysian Malaysia...how do we define and identify one..boleh ke org yg konon olang melesia tapi gua tarak tahu cakap itu melayu dikategorikan sebagai Malaysian Malaysia...tak pulak boleh jawab

kalau betul2 nak bangsa Malaysian Malaysia..tgkla Thai and Indon...jgn ada sekolah cina yg berkiblatkan negara asal usul korang, China - kalau dah jadi Malaysia, mengaku setia pd Malaysia buat apa nak ada pertalian ngan Cina..tak payah nak ada dewan perniagaan cina, jgn lak uncle lim ni cakap equal pick and choose utk convenient dia jeeee.....all these are dakyah nak menghacurkan org melayu secara halusdan berhemah sekaliss....

and why tell me whyyyyyy do DAP leaders have chinese blog without bothering to translate it to bahasa MALAYSIA.... i pity malay voters in these YB constituency..MALAYSIAN MALAYSIA sangat la tu

ni ada pulak melayu liberal sibuk suruh org letak Malaysian instead of Melayu/Cina/India/MatSalleh dekat formal form...bila tanya apa Malaysian Malaysia haram sorang tak reti nak jawab..ni semua very the basi and takde added value langsung

By ghadaffi on August 28, 2008 9:52 PM

Salam Tun,

Mashaallah hebatnya pejuang bangsa dulu, hairan ada orang yang menganggap orang seperti anwar, raja petra sebagai pejuang bangsa.. malangnya kita bila tak guna akal, tak selidik bila diberi melihat sesuatu

lepas awnwar menang, cuba tgk blog kaum cina ni..semua seronok dan tak abis abis mengingatkan Anwar janji nak hapuskan hak istimewa melayu nak equal country kisahnya...ada yg terus nak 2 TPM - satu cina satu india

Teori Aku yg tak berapa logik tapi sgalanya berkemungkinan di Malaysia:

Anwar jadi PM (na'uzubillah)...lantik 2 TPM (uncle lim + sivarasa)..lepas tu naik mahkamah pasal kes leewat..pas tu kena hukuman..lepas tu naikla uncle lim jadi pemangku PM (dah jadi pemangku PM paham2 la...dalam masa sehari pun boleh lupuskan DEB nikau pulak pemangku PM..kalau ada melayu bantah cakapla ini negala Malaysian Malaysia....(and perlu diingatkan ratio melayu:bukan melayu dalam parlimen adalah amat tipis perbezaanya..dahlah melayu dlm perlimen tu pun ada puak melayu liberal yg kena tarik hidung dek puak ni)..perkara yg akan dibuat dulu (trust me dia takkan buat kerja utk rakyat dulu..tapi ni yg uncle lim akan buat dulu), hapuskan artikel 153 or undang2 yg memihak org melayu..lepas tu kurangkan..kuasa raja..lepas tu fikir ini macam la gua lasa baik tukar Malaysian Malaysia jadi itu republik ...lepas tu...lepas tu...lu pikirlah sendiri.(walaupun aku rasa ada melayu akan merusuh tak nak chinese PM tapi memandangkan ada banyakkkkk melayu lupa diri/liberal...ini berkemungkinan)

Let's look at Malaysia population in 2007 (taken from Uncle Lim's blog)

Total = 27.7 mil
Bumiputera = 66.4%
Chinese = 24.9%
Indian = 7.5%
Others = 1.3%

Kalau chinese dpt jadi PM, we will be the laughing stock in the world..majoriti kena perintah dek minoriti...(another fiji in the making???)...time tu kita kena berterima kasih pada melayu liberal...dan permatang pauh for this anomaly

Time tu Melayu terus hilang kat tanah melayu..yg ada Malaysian Malaysia je la....UMNO/Dato Onn, Mat Kilau, Leftenan Adnan hanya tinggal dalam lipatan sejarah (tu pun kalau depa tak tukar sejarah pejuang kemerdekaan Chin Peng)..

By RakyatMalaysia7 on August 29, 2008 9:23 AM

Assalamualaikum dan salam sejahtera buat Tun dan bloggers..

Apabila melihat senario politik Malaysia pada masa ini, hati saya bercampur baur perasaan takut dan gembira..Takut kerana:

1. Memikirkan apa yang akan jadi dengan Malaysia pada masa depan.
2. Memikirkan adakah ada 'our next saviour of Malaysia'.
3. Memikirkan adakah negara kita akan makmur 'sebenar-benar' makmur pada masa depan.
4. Memikirkan adakah Malaysia akan hancur jika DSAI menjadi PM.

Kalau nak disenaraikan lagi, mmg panjang tapi itulah umumnya..Tapi dalam masa yang sama, saya gembira kerana:

1. Tahap pemikiran kebanyakan rakyat Malaysia sekarang sudah mencapai akil baligh, walaupun bukan semua.
2. Walaupun rakyat Malaysia 'dikongkong' dengan persekitaran yang telah 'diaturkan', rakyat Malaysia masih bebas berfikir.
3. Sekarang Malaysia sedang menuju ke arah bangsa Malaysia, di mana tiada perbezaan ketara antara kaum.
4. Saya rasa DSAI dan PR akan membawa Malaysia ke tahap yang lebih baik.

Sebenar-benarnya kalau difikirkan balik, DSAI yang sekarang timbul disebabkan Tun..Saya tidak kata Tun bersalah, malah saya berterima kasih yang teramat sangat kepada Tun..BECAUSE U HAVE HELP 'CREATED' THIS MAN..kalau tak kerana Tun, DSAI tidak akan jadi seperti yang sekarang..Cuba Tun & bloggers fikirkan, mengapa ramai yang ikut perjuangan DSAI??bukannya rakyat Malaysia tidak boleh berfikir..jawapannya mudah shj, DSAI BERJAYA MEYAKINKAN RAKYAT..kalau seseorang itu pandai berpidato pun, tapi orang tahu apa yg dicakapkan itu salah dan tidak meyakinkan, tidak ramai yang akan

percaya..di sini,ditambah pula dengan soalan,"apa yang DSAI bahaskan,sehingga boleh meyakinkan rakyat??"ADAKAH SEMATA-MATA DISEBABKAN SIMPATI TERHADAP BELIAU??saya tidak rasa begitu,it's more than that..dan ADAKAH rakyat Permatang Pauh mengundi DSAI SEMATA-MATA memberi msg supaya PAK LAH turun dari jawatan PM??saya tidak rasa begitu..

No offense Tun dan bloggers,tapi PM yang paling saya sanjung dan hormat adalah Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn,bapa kemerdekaan dan bapa perpaduan??Wahai Tun,maybe more than half people yg bagi komen dalam blog Tun ni tak surf website dan cari sumber2 lain,tetapi its about time je orang akan tahu..I KNOW WHAT U DID DURING 1987 crisis,where even Tunku Abdul Rahman & Tun Husein Onn opposed u..and Tun Hussein Onn died without rejoining UMNO..your 'NEW UMNO' have created this mess in Malaysia..For those who don't believe what I said,search for it from other sources..the best source i could suggest is this site
http://en.wikipedia.org/wiki/Hussein_Onn#Post-retirement ..this is the best 'UNBIASED' sources..AND PLEASE GOD,I DON'T WANT YOU(TUN) TO BE THE ONE WHO FIX MALAYSIA..Astaghfirullahal'azim..How could I never see this before..

KEEP THIS IN MIND,ITS IS A FACT THAT TUNKU ABDUL RAHMAN AND TUN HUSSEIN ONN HAVE JOINED FORCES TO CRITISIZE TUN'S ADMINISTRATION IN 1987 CRISIS

MAY ALLAH HAVE MERCY ON YOU!!!!

TUN'S UMNO IS NOT THE INITIAL UMNO THAT HAVE FIGHT FOR INDEPENDENCE..ASK YOUR BELOVED TUN TO ANSWER THIS MATTER,I'M NOT SURPRISE IF HE DOESN'T..PAK LAH WAS ONLY THE 2ND PM FOR THE 'NEW UMNO'..THE OLD UMNO HAVE BEEN CRUSHED ON 1987,WHERE TUN HUSSEIN ONN HAVE DIED FIGHTING FOR IT AND WITHOUT JOINING THE 'NEW UMNO'..WAKE UP PEOPLE!!!!

PLEASE,IF U ALL HAVE ANY PRIDE LEFT FOR OUR PREVIOUS PMS,SEARCH FOR THE TRUTH!!!!
By penduduk on August 29, 2008 9:27 AM

Salam Tun....

Nasib Melayu dan UMNO sekarang seperti telur di hujung tanduk. UMNO digunakan oleh pemimpin sekarang untuk kepentingan diri dan keluarga. Tiada pembelaan untuk agama, bangsa dan negara menyebabkan rakyat semakin jauh dari UMNO. Saya sendiri sudah merasa terlalu meluat dengan semua kepimpinan UMNO sekarang termasuk presiden dan timbalannya kecuali Muhyiddin Yassin. Saya minta pemimpin-pemimpin UMNO sekarang buat sumpah laknat samada perjuangan mereka untuk agama, bangsa dan negara atau kerana diri sendiri dan keluarga.

By WHY BEE BANGI on August 29, 2008 9:30 AM

Salam Tun,

Melayu Mudah Lupa, orang orang UMNO pun tahu tapi apa depa buat? Apa kita buat? Tak ada apa Tun percayalah. Orang Melayu Mudah Segalanya.

Dah 500 tahun di jajah dan akan dijajah semula!!!

Ada negara, bagi orang.

Ada tanah, jual.

Ada sabsidi, jual.

Ada kebun, gadai.

Ada lesen, pajak.

Ada projek, ambil 10%.

Ada undi, jual.

Ada kuasa, salah guna.

Ada otak, tak pakai.

Ada anak, abaikan.

Ada ilmu, menipu.
Ada motor, bagi anak.
Ada duit, beli dadah.
Ada biasiswa, joli.
Ada sekolah, ponteng.
Ada polis, rasuah.
Ada imigresen, rasuah.
Ada kastam, rasuah.
Ada pejabat tanah, rasuah.
Ada PBT, rasuah.
Ada peguam, kena tipu.
Ada pak guard, tidur.
Ada isteri, kahwin lagi.
Ada harta, sompong.
Ada kerja, malas.
Ada dateline, merungut.
Ada temujanji, lambat.
Ada janji, tak tunaikan.
Ada emak ayah, engkar.
Ada motor, merempit.
Ada lampu isyarat, langgar.
Ada topi keledar, tak pakai.
Ada mata, tak membaca.
Ada telinga, tak dengar.
Ada fikiran, ikut nafsu.
Ada komputer, cari kenalan.
Ada pinjaman, tak bayar.
Ada kenduri, buat besar besaran.
Ada bank, pinjam along.

Di KL dah hilang Kg Pandan, Dato Keramat, Kg Kerinci, Gombak, Abdullah Hukum, Segambut dan tak lama lagi Kg Baru. Kita sama sama tolong sапу bersihkan buat macam KLCC, Sri Hartamas, Mont Kiara dsb.

Tak pa..... akhirnya Melayu duk atas pokok.

Melayu Mudah Semua.

Wassalam.

By Wira7 on August 29, 2008 9:31 AM

Tun, Pengisian kemerdekaan memerlukan semangat dan ketulinan jati diri yang kuat. Mengenang wira-wira bangsa yang berjuang memertabatkan kemerdekaan adalah penghormatan yang tiada noktahnya. Siapalah kita jika tidak kerana mereka yang meletakan kemerdekaan sebagai keutamaan demi tanahair. Sesungguhnya menjadi tanggungjawab setiap anak watan memperingati susur galur perjuangan pejuang2 kemerdekaan. Perlukah sejarah dilakar dan ditulis semula bagi mengenang mereka yang berhaluan kiri tetapi ikut serta dalam perjuangan kemerdekaan.Bangsa yang besar adalah bangsa yang sentiasa mengenang jasa dan pengorbanan.

By jeng3 on August 29, 2008 9:31 AM

Salam Tun,

saya sangat terharu apabila mengenangkan di saat2 akhir Allahyarham Dato Onn Jaafar,hanya ada

beberapa puluh ringgit sahaja duit yang ada pada beliau.

Wassallam

Jeng3

By letting the timeAuthor Profile Page on August 29, 2008 9:32 AM

Dear Tun,

Sememangnya terdapat pelbagai pendapat mengenai proses kemerdekaan diMalaysia. Terdapat pelbagai pihak yang ingin mengambil kredit didalam proses kemerdekaan. Tetapi , perjuangan menuju kemerdekaan merupakan suatu perjuangan yang menyeluruh dan proses kemerdekaan. Sememangnya jasa Dato' Onn kurang dihargai dan kurang diberi perhatian... Inilah agaknya dilema Melayu yang selalu Tun ingatkan.. Melayu Mudah Lupa..

Saya bersetuju bahawa kemerdekaan tetap kemerdekaan dan ianya tetap suatu kejayaan walaupun ianya tidak diperolehi dengan perperangan. Pun begitu, kita wajar juga menginagi mereka yang terkorban mempertahankan negara....

Selamat Hari Merdeka

<http://www.youtube.com/watch?v=b0Vjb8UIDus>
By suhainin suhaibol on August 29, 2008 9:35 AM

Assalamualaikum....

Tun telah terlupa
sesuatu.....

Selama 22 tahun
Tun memegang tampuk
pemerintahan.....
Apakah yang telah
Tun lakukan demi
mengenang Jasa mereka
semua? Tiada.....

Kenapa setelah berada
diluar kekuasaan, baru
Tun berkata tentang
ini semua.....

Tun mudah lupa.....
By SabahanGirl on August 29, 2008 9:36 AM

Dear Tun,

Selamat Menyambut Ramadhan AL-Mubarak...
(^__^)
By petunjuk on August 29, 2008 9:37 AM

Assalamualaikum Tun,

Pejuang-pejuang kemerdekaan yang menggunakan akal-fikiran untuk memerdekakan tanah air kita adalah pejuang yang sejati yang mengutamakan kedamaian dan keselamatan orang awam demi mencapai matlamat perjuangan mereka. Adalah tanggungjawab kerajaan untuk menghebahkan

perjuangan-perjuangan mereka ini supaya rakyat sedia maklum tentang perkara-perkara yang asas saperti ini. Agak malang jika erti kemerdekaan kepada generasi muda lebih berbentuk hiburan daripada kesinambungan perjuangan yang belum selesai. Islam mengutamakan kedamaian dalam perjuangan, maka pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air telah mengguna-pakai strategi kedamaian dalam perjuangan mereka. Rakyat serta pemimpin Malaysia sepatutnya bersyukur dan berterima-kasih kerana dapat hidup dibumi bertuah ini dan menerajui negara yang telah merdeka. Janganlah kita tenggelam dalam kemewahan dan kekuasaan yang dipinjam kepada kita oleh ALLAH Yang Maha Kaya lagi Maha Berkuasa dan beringat kepada Firman Allah yang berikut:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkaukehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkaukehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkaukehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkaukehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu". (Surah Al-Imran Ayat ke26).

By kreator on August 29, 2008 9:43 AM

Pemimpin sekarang hanya pentingkan diri sendiri dan anak beranak sahaja.. Pak Lah UNDUR!!!

By RyscheClyde on August 29, 2008 10:01 AM

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION

Tun,

Dengan kehadiran Dato Seri Anwar Ibrahim kononnya sebagai "PAHAWAN RAKYAT" maka tidak mustahil tidak lama lagi akan lahir pula PEJUANG UMNO yang akan menjadi PEMBELA NASIB RAKYAT yang sebenar.

HIDUP UMNO..

HIDUP MELAYU..

HIDUP MALAYSIA..

By kamal ahmad on August 29, 2008 10:02 AM

Salam Ayahanda Tun. Saya membaca beberapa kali posting dari Tun pada kali ini. Banyak maksud yang tersirat di dalamnya. Saya juga sepandangan dengan pak belalang mengenai kepentingan networking. UMNO telah berjaya memberi kesenangan dan makna hidup kepada orang Melayu yang cuma 50 tahun ataupun hanya juga 30 tahun dahulu cuma mampu menjadi minority support group kepada komuniti/networking bisnes cina. Tengok Public Bank, tahun 1981 cuma mampu menapak, tapi tahun 2005 dapat anugerah bank terbaik di Malaysia. Ini adalah contoh networking cina. Berapa banyak finance company kereta record rekomen Public Finance? Cuma baru sekarang ada mula sikit-sikit AM Bank dan CIMB. UMNO dalam serba baik dan juga buruk nya telah membawa kemakmuran kepada Melayu, telah memberi identiti dan martabat kepada Melayu. Cuma ada sesetengah orang Melayu yang tidak tahu hendak mengendalikan kemewahan baru ini. Jadi terlalu kecoh dengan materialistik dan hanyut dalam ketamakkan dan ego. Ini adalah sindrom "new money" yang telah di bawa bersama dalam kemewahan baru ini. Hari ini orang Melayu penuh berselerakkan di merata pelosok dunia. Tempat yang tak sangka ada Melayu pun boleh jumpa 2/3 orang. Jadinya pula kita terbawa-bawa dengan budaya asing dan kita pun bawa balik ke Malaysia budaya-budaya berkenaan. Ekstremis serba serbi itu ini, doktrin itu doktrin ini, macam-macam jenis sasi pun ada juga. Melayu cepat lupa, cepat naik ego dan cepat melatah, Melayu cepat menuduh, mengadili dan menghukum. Kalau marah ke lubang cacing pun dicarinya (kata Prof Usman Awang). Saya juga menghormati dan mengagumi Melayu bangsa saya, yang amat pemurah dan suci hati nya untuk memberi dan menerima kemaafan. Inilah martabat kita. Selama 50 tahun lebih seolah ada konspirasi tanpa henti yang mungkin juga sengaja diadakan untuk menyebabkan Melayu hilang punca identiti martabatnya. Akibatnya, kita membesar cuma dengan tahu menahu hal kelemahan kita, keburukkan kita. Orang kata (terutamanya bangsa cina) Melayu ni malas, bodoh, lemah, perut busuk dan macam-macam lagi. Kita pun dah macam kena brainwash. Tapi cuba kita henti sejenak dan fikir, kita ni bangsa Melayu! bangsa yang hebat dan bangsa yang bermartabat tinggi! kenapa tidak kita mula

cari dan serlahkan pada diri kita sendiri segala kebaikan kita ada. Lebih banyak dan lebih senang nak dicari dari keburukan kita sebenarnya. Macam pepatah Melayu berkata, carik-carik bulu ayam akhirnya bersatu juga. Melayu pada pandangan dan pendapat saya adalah sangat tinggi pekerti dan sifat hormat kasih sayang sesama sendiri. Ini bangsa saya yang saya tahu dan kenal.

By Pires on August 29, 2008 10:12 AM

Salam Ayahanda Tun n Bonda Siti Hasmah n Seluruh Rakyat Malaysia..

Selamat Merdeka dan Selamat Ramadhan untuk semua. Sememangnya jasa orang lama sangat besar contohnya generasi yang lahir dan membesar seblm merdeka, dan mereka ikhlas dalam perjuangan mereka. Sebagai contoh macam mana semasa ibu saya ketika beliau remaja, beliau sanggup sedekahkan emas perhiasan untuk membaiayai Tiket Kapal Terbang Tunku dan para delegasi yang ingin berjumpa dengan pihak British bagi menuntut kemerdekaan. Manakala Bapa saya yang menjadi polis sebelum merdeka ditugaskan untuk bergerak dari daerah ke daerah disetiap negeri untuk menjaga keamanan bumi tercinta drp Pengaruh JEPUN n BINTANG TIGA yang sgt jahat tu. Tapi apakan daya generasi yang lahir selepas merdeka, mereka tidak pernah rasa susah dihina, dimaki, tiada kemudahan asas, tiada peluang pelajaran dan tiada peluang pekerjaan bergaji besar. Mereka ini tidak pernah bersyukur dan tidak pernah rasa ingin menilai akan jasa orang2 lama yang berjuang atas sifat sayangkan negara. Walauapun Tun disebabkan ibubapa saya segenarasi Tun walaupun umur saya baru 30 thn tetapi saya cukup sanjung akan generasi tersebut yang telah byk berjasa dan berkorban pada negara.

Mudah2an saat negara yang dalam keadaan sakit sedikit ini memberikan kita ikhtibar dan marilah berdoa pada Allah agar bumi tercinta ini kembali ke landasan sebenar. Insya Allah.

PS:- Sementara bapa mentua saya (penyokong pembangkang) bertanya kepada saya mengenai kemenangan Anwar Ibrahim. Saya kata pada dia, 'since Anwar is promising HEAVEN to all I wish him to become A PM so that he can prove what he said' dan dengan sopan saya cakap 'He always said that he is the smartest person in Malaysia and hope that he's not a false hope and empty barrel'. Tiba2 air muka pak mentua saya berubah dengan kata2 saya.

Actually Tun, DSAI ni selalu cakap psb Utopia dan janji to have the most ideal political theory kt Malaysia yg sememangnya saya rasakan mcm kat alam fantasi(Yang saya tahu Utopia yang berjaya dibawa sepanjang zaman hanya oleh Rasullullah s.a.w dan para Khulafa Al Rasyidin shj bukan selepasnya). Since that UMNO/BN sekarang orang agak benci, saya mmg harapkan supaya PR naik dan perintah negara, sebab I really want to see either this country can improve better di Zaman PR ke sebab janji gila b*b* banyak sgt or is becoming worse than zaman regim tiga beranak Pak Lah.

Akhir kata wasalam untuk semua.

By Pak Ali on August 29, 2008 10:12 AM

Salam Tun dan keluarga dan selamat menyambut Ramadhan.

Saya bersetuju dengan Tun. Negara yang memperolehi kemerdekaan secara aman adalah amat kurang di dunia ini, oleh itu Malaysia adalah unik. Negara-negara yang berperang untuk mendapat kemerdekaan seperti Amerika dan Ireland tidak semestinya lebih baik dari kita.

Kita harus mengingati sejarah sebagai panduan untuk kita melangkah ke masa hadapan dalam membina negara kita supaya perbuatan bodoh dahulu tidak berulang lagi. Orang-orang yang tidak pernah belajar tantang kesilapan masa lepas dan terus angkuh adalah orang-orang yang akan kerugian. Jangan kerana ego dan self interest negara kita akan tergadai.

Tun, nowadays saya sedih melihat jenerasi baru yang bertuhankan hiburan semata-mata dan tidak menghiraukan ilmu kemajuan diri untuk membangun setanding dengan bangsa-bangsa lain. Cuba lah lihat peratusan rancangan tv yang berlandaskan ilmu pengetahuan berbanding hiburan, amatlah sedikit. Orang-orang Melayu lebih suka melekat di kaca tv melihat Akademi Fantasia, Malaysian Idol, drama cinta, Jangan Lupa Lirik dan banyak lagi daripada menghabiskan masa membaca untuk menambah ilmu

pengetahuan dan membaiki diri. Remaja Melayu banyak menghabiskan masa merempit di jalanan dan membahayakan orang lain. Kalau ini lah caranya mereka mengisi kemerdekaan yang susah-susah hero-hero melayu dahulu memperolehi dari pihak British, saya rasa wawasan 2020 hanyalah a wish list!

Pendapat saya Tun bahawa rakyat-rakyat Malaysia belum merdeka dengan erti kata sebenarnya. Minda mereka masih dibelenggu oleh pengaruh Barat. Of course, bukan semua idea dari Barat tidak baik. Tapi, macam masih terikat seolah-olah kalau kita tidak seperti Barat sepenuhnya, kita macam tidak normal dan dipandang serong d mata dunia. Di arena politik contohnya, kita boleh lihat setengah-setengah ahli dan parti politik pergi ke negara barat menceritakan ketidakpuasan hati kepada media-media barat dan pemimpin mereka seolah-olah Malaysia ini mempunyai amalan demokrasi yang defective.

Kenapa begitu? Bukanakah kita sudah merdeka dan mempunyai sovereignty? We should solve our problems our own way, in between us and in our own country! Perkara yang sama berlaku tentang ketidakpuasan hati tentang keputusan mahkamah, mereka nak merujuk ke Queen's Court di London, why? Malaysia tidak ada mahkamah rayuan ke? Or is it all the judges are corrupt and controlled by the government? Tapi, kaau mereka menang tidak ada complaint pun.

Akhir kata Tun, selamat berpuasa dan Hari Raya in advance, dan kepada rakyat-rakyat Malaysia tidak kira keturunan dan parti politik, protect and preserve this country, because you will never appreciate what you have until you lost it!

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

By imleh on August 29, 2008 10:19 AM

Assalamualaikum TUN,

1. Syukur Alhamdulillah dapat Malaysia mengecapi kemerdekaan yang ke 51.
2. Pejuang-pejuang kemerdekaan harus dikenang kerana jasa dan pengorbanan mereka. Sanjungan di dunia sahaja tidak cukup bagi membalas jasa-jasa mereka sedang apa yang mereka lakukan kepada Malaysia memang tidak terbalas oleh kita generasi sekarang. Mungkin apa yang boleh kita lakukan ialah mendoakan kesejahteraan mereka dan menyedekahkan Al-Fatihah kepada mereka yang telah tiada. Moga Allah sahaja yang dapat memberikan ganjaran yang setimpal di atas usaha yang mereka curahkan.
3. Kemerdekaan kini membolehkan kita rakyat Malaysia bebas melakukan kegiatan harian. Bayangkanlah sekiranya masih dijajah, taraf pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan semuanya yang diperolehi kini mungkin tidak tercapai.
4. Rakyat Malaysia tidak akan melupakan jasa bakti Tun yang meletakkan nama Malaysia harum di seluruh dunia. Semoga Tun sihat sejahtera dan senantiasa di bawah rahmat Allah S.W.T.

Terima kasih, Tun.

Wassalam

By chomel on August 29, 2008 10:26 AM

assalamualaikum ayahanda...

cuma nk tumpang komen sket pasal apa yg 'siankan' tulis dlm blog ayahanda...

'siankan' menulis on August 28, 2008 9:17 PM...

"Pejuang Kemerekaan telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang. Tidak kira dari UMNO atau Dari haluan Kiri (sebab Ing Tak suka) tetapi mereka ada matlamat dan aspirasi dalam perjuangannya. Malangnya Tun yang mudah lupa memerintah selama 22 tahun , telah menodai erti kemerdekaan dengan mencabuli kebebasan media, hak asasi, ketelusan badan kehakiman kini cakap tentang mudah lupa... pada hal tunlah yang mudah lupa ! yang Tun ini diberi kusa oleh Rakyat, mmm kalaulah benar. Kalau Guna SPR n nafikan hak rakyat untuk berkuasa patutlah cakap macam ini. Harap-harap tak lah kan Tun."

wahai TUAN SIANKAN... cuba bayangkan klu tun x menodai erti kemerdekaan (klu itu la kata dan fahaman TUAN SIANKAN bahawa apa yg tun buat tu adalah menodai erti kemerdekaan)... sekat kebebasan media, sekat ketelusan badan kehakiman... klu tun x buat cmtu dari dulu... apa akan jadi pada bumi malaysia? porak peranda la... org melayu akan mengemis di bumi sendiri... kenapa saya cakap cmtu?... tgk pak lah... apa dh jadi skrg ni... kerana diberi segala kebebasan kepada media... kepada badan kehakiman... AGAMA ISLAM DAN HAK2 ORG MELAYU DIPERTIKAIKAN... PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN YANG MENJADI KITAB NEGARA MALAYSIA PUN KE ARAH NAK DIUBAH... xkan tu pun TUAN SIANKAN x nampak... unless... if u r not malay... r u chinese?... or indian?... bkn org melayu ni racist... tp bumi malaysia atau dulunye dikenali sebagai TANAH MELAYU ni... adalah milik mutlak org melayu... kenape nk kongsi segale hak & keistimewaan bumiputera dgn bangsa lain... kenape nk pertikaian agama islam sedangkan kita x penah larang mereka2 tu semua mengamalkan ajaran agama lain selain dari islam?... siap buat sambutan besar2an lagi...

wahai TUAN SIANKAN... cuba duduk dgn tenang & fikirkan sejenak... fikirkan rasionalnye tun buat semua tu... untuk apa?... demi menjaga kebaikan rakyat umumnya... khususnya kaum melayu & bumiputera... klu adanya kebebasan media... andaikan media2 ni mengeluarkan artikel2 berbentuk hasutan... berbentuk perkauman... apa akan jadi pada malaysia? 13 mei akan jadi lagi... kenape tun sekat kebebasan & ketelusan badan kehakiman... mereka ni bijak2 pandai dlm undang2... tgk je forum yg mereka anjurkan... klu TUAN SIANKAN ni org islam... x rasa tercabar ke?... if not... then... there must be something wrong with u & ur brain... sorry to say la... as i said earlier... unless if u r not malay & not muslim... then... u will never feel what other malay & bumis feel right now...

wahai TUAN SIANKAN... fikir la sket... apa yg tun cuba lakukan adalah untuk kedamaian & ketenteraman di bumi malaysia yg punye masyarakat majmuk... (atau dlm bahasa senangnye... masyarakat berbilang kaum... klu TUAN SIANKAN x faham la maksud majmuk tu)... bukan senang menjadi leader di dalam sebuah negara yg punye rakyat berbilang kaum... klu tiada sekatan2 sebegini... seperti sy katakan di atas td... porak peranda la malaysia... tu je... simple theories...

wahai TUAN SIANKAN... sy yakin yg TUAN SIANKAN ni adalah org bijak pandai... sy ni pun bukan la bijak mana... tp one of the graduates yang grade di zaman pemerintahan tun yg amat disygi... cuma... sy yg bodoh lg hina ni mohon pada TUAN SIANKAN... tlg la fikir & timbangkan semula apa yg ada di dalam fikiran TUAN SIANKAN yg 100 kali atau beribu kali lebih bijak dari saya...

Kepada ayahanda Tun & bonda Siti Hasmah... semoga panjang umur & terus2an diberi rahmat oleh-Nya... amin...

Selamat berpuasa kepada semua...

wassalam...

By shilaAuthor Profile Page on August 29, 2008 10:30 AM

Assalamualaikum Tun & keluarga,

Tiada apa yang dapat diperkatakan lagi mengenai bagaimana kita mendapat kemerdekaan. Tiada siapa dapat mempertikaikan siapa yang memperjuangkan kemerdekaan Malaysia. Sudah diingatkan, dilaungkan kepada generasi muda, tapi adakah itu mencukupi untuk mempertahankannya oleh parti yang sama? Saya sangsi. Apalagi yang boleh kita lakukan melainkan berdoa kepada Allah semoga Dia menyebelahi kita yang benar dan melaknat orang yang engkar. Lambat laun akan ditunjuk olehNya kebenaran. Kita hanya perlu bersabar, tunggu dan lihat. Tapi doa saya semoga kepimpinan dan kerajaan sekarang tidak jatuh kepada pembangkang.

Apa2 pun, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan
'SELAMAT MENYAMBUT KEMERDEKAAN YANG KE51' dan
'SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN'.

Semoga Tun sekeluarga dirahmati Allah. Amin....

Wassalam...

By aeki on August 29, 2008 10:35 AM

walaupun ini bukan bumi kelahiran saya tapi jasa Tun tetap saya kenang kerana bersusah payah membangunkan negara yang makmur ini.

By jeng3 on August 29, 2008 10:36 AM

Salam Tun,

Maaf jika terkeluar topik sikit..

Based on previous and current comments on this blog, there is a perception among non-Malays and some Malays alike that Malays are LAZY, IGNORANT and FORGETFUL. I beg to differ..

I work in a subsidiary of a public listed company in which the major shareholder is a wealthy and prominent Chinese family. In my subsidiary company the workforce is 100% Malays of around 150 employees. The other subsidiaries are predominantly Chinese bosses and Malay employees.

I am proud to say that we are the most successful branch in the whole corporate structure and regarded as a 'cash cow' by many.

Some of our programs and policies we Malays implemented even a Chinese would find difficult to match. The lesson that I learn from this is that we Malays need a good leadership attitude to be successful in business, just like the country need a good strong leader like Tun.

But I readily admit that we must learn from the Chinese in order to survive in business as there are many good traits that we can emulate.

So to all Malays I urge to have the belief and confidence in ourselves as we are not in any way inferior to other races. We may need a headstart but slowly and surely we are getting better in all walks of life. Remember that we as an independent race is only 51 years old.

To Ng Thing Seng,

I respect you as a fellow citizen in this beloved country. We must strive together to ensure the success of Malaysia.

To Carter,

Although your English is 'hentam keromo' I get your message. You have every right to this country as I have.

To Tun,

I am not a Melayu mudah lupa type. I will make sure my keturunan will cherish your name and try to emulate you as the legendary leader that the whole world admires and at the same time jealous of.

Wassallam.

Jeng3

By mahathir on August 29, 2008 10:41 AM

Yang Berbahagia Tun,

Nostalgia bersama Allahyarham Ayahanda saya masih segar dalam ingatan. Tanggal 25hb Dis 2004 Ayahanda pergi dijemput Ilahi. Sepanjang hayatnya berjuang untuk UMNO dan bangsa. Bukan merebut jawatan, jauh sekali mengejar pangkat dan darjah. Rakan seangkatan beliau ada yang telah pergi e.g. Tan Sri Ghani Ali, Dato' Seri Mohammad Zain, Tun Ghafar Baba, dan beberapa tokoh politik negeri Melaka. Ada dikalangan mereka yang masih hidup dan terus berjuang hingga kini e.g. Datuk Wira Abu Seman, Datuk Rahim Thambychik, Dll. Mungkin mereka semua sudah lupa pada Ayahanda saya, tidak

mengapa. Setidak-tidaknya saya tetap mengenang jasa Tun sampai bila-bila. Ibarat cubit peha kanan, peha kiri terasa juga. Setiap pujian dan sanjungan terhadap Tun ku rasa bangga, sebaliknya cacian dan hinaan ku rasa menikam jiwa. Bukan apa! kerana namaku juga MAHATHIR. Aku bangga.

By hafiz on August 29, 2008 10:46 AM

أَسْلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Penyokong anwar ibrahim adalah seperti pak kaduk.

Ayam sabungan mereka telah bertukar milik, tapi mereka masih bersorak dengan kemenangan ayam sabung tersbut.

Disangkakan mereka akan memperolehi keuntungan drpd kemenangan itu, tetapi apa yg terjadi maruah dan kepentingan mereka telah pun tergadai

By mcguyver99Author Profile Page on August 29, 2008 10:50 AM

golok>> satu lagi comment favourite Tun, tidak apa attitude...hehe...

By Dilbert on August 29, 2008 10:51 AM

Salam Tun,

we don't have to look that far to see the ungratefulness of the present government. My father served for more than 20 years in the army defending the country against the communists when he was called up by the government. Before that he was in the government service. Rather than appreciate his sacrifices for those 20 odd years of service, the government declared that the time he spent in the army was not counted towards his pension. This in direct conflict with the government rules at that time, which were subsequently " amended" to favour the government. So today, he has to make do with a much lower pension compared to his colleagues who continued in the government service, who did not have to endure the hardships and risk of fighting the communists and living in the jungles.

Surely, this is ungratefulness !

By mcguyver99Author Profile Page on August 29, 2008 10:56 AM

Jangan kita leka dalam tanggungjawab kita sebagai seorg rakyat Malaysia dan pekerja. Saya nampak kebanyakan pekerja Melayu selalu tipu MC. Ini adalah satu fakta benar pasal kebanyakan majikan complain terhadap org melayu, sebab itulah majikan kurang minat utk rekrut mrk. Banding dgn orang melayu dulu, dulu mereka lebih bertanggungjawab,sopan-santun, berfikiran rasional, bersatu-padu, tolong-menolong dll lagi... Org melayu sekarang? ade yg mudah lupa, ade yg tidur, ade yang cium Keris, ade yg cakap kesat dlm parlimen, ade yg suruh org bkn melayu keluar dari Malaysia, ade yg cakap sampai berbuih-buih, ade yg cakap sehingga menindas org lain dalam ceramah sewaktu kempen PRU12, DLL. Adakah org melayu dulu ketinggalan ataupun org melayu kini ketinggalan?

Tema tahun ini ialah "Perpaduan Teras Kerjayaan". Apa maknanya jika lau perpaduan di dalam UMNO tak wujud dan dll parti komponen akan keluar dari BN? Kami org bukan politik lihat MCA,MIC, Gerakan,dll parti kompen sangat lemah bagaikan patung bagi UMNO. Itulah sebab BN KALAH!

By genius on August 29, 2008 10:56 AM

Salam Tun and Readers,

Saya tak lupa jasa UMNO

Tapi sekarang UMNO yang lupa jasa RAKYAT...

Saya cuba bayangkan

a) Pak Lah kelentong je nak resign 2010, dia akan memerintah seribu tahun lagi

b) Pak Lah resgin 2010, keadaan dah porak peranda, Najib jadi PM tapi dah terlambat nak pulih kan

keadaan dan kalah PRU13

- c) Pak Lah resign sekarang dan Najib banyak sikit masa nak pulihkan mesia...?
- d) Bukan najib yg jadi PM tapi Muhyiddin atau lain2
- e) UMNO terlalu di benci rakyat... Anuar jadi PM,... keadaan kucar kacir atau akan jadi OK?
- f) Maruah Islam dan Melayu sangat tercaltar maka melayu akan jadi kaum peribumi yg bakal di perintah oleh selain daripadanya

dan worst case....

TUN AKAN DUDUK DI LUAR NEGARA apabila Anuar memerintah

(adakah salah satu senario di atas akan terjadi?)

Allahu'lam

By aj anak gb on August 29, 2008 10:59 AM

salam tun n keluarga semoga diberkati Allah sepanjang hayat.
ya sepatutnya perjuangan dato onn d perhebatkan sebaris atau di atas baris pejuang2 lain. bagitu juga 4 perjuang yang disebutkan tun itu kita tidak boleh lopus dan hakisan. kita sepatutnya gilapkan dan beri sinar dan cahaya sepanjang zaman semoga anak bangsa yang dibenarkan mengerti apakah pengorbanan generasi genetiknya buat: mereka tidak jadi perompak moden; mereka tidak mempermainkan kata2 untuk menaikkan diri; mereka tidak mendabitkan dada untuk menunjukkan kehebatan;jauh sekali dari kata2 ingin menjadi pemimpin agung atau pm; mereka biarkan tindakan mereka "do the talking";mereka jauhkan diri dari 3 ta (tahta,harta,wanita-termasuk zina,gay,lesbian dan sodomise). perjuang2 terdahulu menggunakan otak dan lidah serta pena memastikan kemerdekaan.mereka bersifat "cah ligas". sesungguhnya perjuangan mereka lebih hebat dan berkesan dari perjuangan menggunakan tenaga dan peralatan senjata. tanpa keris dan bedil, mereka mepertabatkan dan merdekakan kita dari kekejaman penjajah dulu. Syabas dan semoga Allah memberkati mereka. Persoalannya masihkah ada pejuang kini mengimpat penjajah secara moden dan tersunyi semoga anak bangsa menjadi dinosor. tq

By ctfaiza on August 29, 2008 11:01 AM

Assalamualaikum ? dan salam sejahtera rakyat malaysia

apa salahnya
jalur gemilang
hingga tak mahu digantung terbalik

apa salahnya
jalur gemilang
hingga tak sudi nak memandangnya

apa salahnya
jalur gemilang
hingga guru-guru segan nak meletakkan di keretanya

apa salahnya
jalur gemilang
hingga yang mengaku rakyat Malaysia tidak sanggup mengibarkanya

Kenapakah sampainya hati membiarkan JALUR GEMILANG dipolitikan

Sudah matikah semangat cintakan TANAH AIR

Janganlah taksub dengan parti politik

dan mabuk cinta dengan pemimpin politik

maka negaraku, benderaku ini hendak dimusnahkan

sedarlah kamu pijak di bumi ALLAH yang bernama Malaysia

By rokusman on August 29, 2008 11:11 AM

Salam buat semua,

1. Persoalan Syaed500 menarik. Kalau Tun tak respon cuba tuan bertanya dengan bekas kawan kawan lama Anwar yang dah terkena pembelit Anwar ini. Kepada sjankan tulisan beliau datang dari sampah. Berkawan dengan orang sampah badan kita pun bau sampah, berkawan dengan orang jual bunga badan kita bau wangi jadi tak perlu jenguk web sampah dia.

2. Untuk Anwar Ibrahim dengan izin Tun nak nasihat sikit. Tuhan bagi kedudukan sekarang tentu ada sebab. Ingat apa yang saudara dah buat. Hukuman Tuhan akan tiba apabila kedudukan saudara ditempat yang tinggi. Sebab saudara tidak malu melakukan perbuatan yang dikutuk Tuhan, saudara mempermainkan dengan hukum alam. Tuhan akan makbulkan niat saudara tapi pada masa yang sama disitu juga Tuhan aibkan saudara . Panjang umur kita akan saksikan nanti bala yang akan menimpa saudara.

3. Buat Hadi Awang dan M Sabu dari PAS. Dulu (sebelum Anwar dipecat) saudara berdualah orang yang menjaja satu Malaysia perilaku Anwar. Sekarang anda berdua bagai tiada lidah lagi, kenapa? Ustaz ke atau apa saudara ini. Moral yang saya nak sampaikan disini ialah sebagai pemimpin perilaku pemimpin mesti bersih. Jika betul Anwar melakukan perbuatan terkutuk itu dan anda semua menyokongnya maka adakah dosanya saudara tanggung? Nafsu anda semua telah menukar naluri berfikir yang Tuhan beri.

4. Maaf Tun, berdosa saya jika tak ditegor. Dalam dunia masa kini yang lurus akan tersungkur. Yang iklas akan dicantas. Yang berjasa menjadi mangsa. Yang pelupa sentiasa pelupa. Insyallah jasa Tun akan dikenang walau pun ada yang membenci Tun .

salam.

By Pointman on August 29, 2008 11:14 AM

Tun,

Apa yg saya tulis tadi padam pula. Kena taip semula. Saya percaya Parti Komunis Malaya adalah binatang yang dibela dan diasuh oleh British. Loi Tek, pemimpin utama Komunis adalah seorang agen British. Bila Loi Tek larikan diri, dia diganti pula oleh Chin Peng, umur 22 tahun saja ketika itu. Pada waktu itu kawan2 Chin Peng pernah menuduh Chin Peng sebagai agen British (sila lihat buku Chin Peng sendiri). Saya percaya Parti Komunis Malaya adalah buatan British untuk melewatkannya Merdeka. UMNO telah ditubuhkan pada 1946 dan telah mendesak Merdeka bermula pada 1947. British telah isytiharkan Emergency atau Darurat pada 1948. Dengan taktik ini Merdeka dapat ditangguh selama 10 tahun hingga 1957.

Tun, hari ini sudah masuk empat hari bagi 13,000 rakyat Thai menduduki bangunan kerajaan di Bangkok mendesak supaya PM Samak undur. Sebenarnya Thailand tidak seteruk negara kita. Ekonomi mereka tidak seteruk ekonomi kita. Pemimpin mereka tidak sedunggu pemimpin kita. Pemimpin mereka tidak tidur macam pemimpin kita. Negara mereka tidak terancam seteruk negara kita.

Walau demikian mereka sudah fed up dgn pemimpin yg mereka tidak suka. Mereka sanggup bantah dan meminta pemimpin mereka undur.

Ahli UMNO pula semua tak boleh nak buat apa. Ahli UMNO semua kaku dan takut. Mereka takut perlu nasi mereka sebesar 20 sen atau 30 sen akan hilang jika mereka bantah dan meminta pemimpin denggu undur. Akhir sekali ahli UMNO akan kehilangan semuanya.

Kita tidak lagi dengar 'outcome' keputusan cawangan UMNO utk mencalonkan presiden, timbalan dsbnya. Setelah lebih 100 cawangan UMNO pilih utk TIDAK MAHU mencalonkan pemimpin denggu itu, semua media depa pun sudah tidak buat liputan lagi.

Dan ahli di Bahagian pun tidak mahu sokong pemimpin denggu itu lagi. Tetapi Ketua Ketua Bahagian pula sudah dibeli utk mencalonkan org denggu juga sebagai presiden parti. Jika ini berlaku, percayalah semua ahli Bahagian tidak akan undi UMNO/BN pada pilihanraya nanti.

Inilah kita sudah lihat dengan jelas di Permatang Pauh. Undi yg dapat kpd Arif kurang dpd bilangan ahli UMNO di Prmtng Ph. Saya telah menerima SMS yg memujuk semua ahli UMNO supaya biar BN kalah sampai hilang deposit di Prmtng Ph. Dgn itu mungkin si denggu akan terpaksa undur. Tapi dia masih ada lagi.

Hari ni keluar gambar dia di muka depan lagi, senyum macam denggu juga. Tun, bilakah mimpi negeri ini akan hilang?

By syahrol on August 29, 2008 11:27 AM

Assalamualaikum Tun,

Kemasukan Bukan Bumiputra ke UiTM.

Sebenarnya ada kebaikan kemasukan pelajar bukan bumiputra ke UiTM. Ini juga merupakan satu jalan kita untuk mencapai wawasan kita. Yang amat sedih sekali, jurang perbezaan bangsa di antara kita terlalu jauh. Kaum Melayu lebih aktif dengan komuniti Melayu sahaja, kaum Cina lebih aktif dengan komuniti mereka sahaja dan juga kaum-kaum yang lain. Jurang perbezaan inilah yang menyebabkan kita wujudkan UiTM untuk Bumiputra sahaja.

Sampai bila?

Ketika sampai masanya kita semua berikrar yang kita bersetuju untuk menjadi sebuah bangsa Malaysia yang bersatu. Sampai waktu, bangsa lain akan bertutur Bahasa Melayu di kalangan mereka sendiri. Sampai waktu tidak ada diskriminasi.

Perkara ini dapat dicapai, itu pun kalau pemimpin kerajaan sekarang ini mampu untuk berfikir sejauh itu.
By jeff hamaz on August 29, 2008 11:31 AM

Assalamualaikum Tun & bloggers'

Saya agak terkejut kerana kolumn Tun kali ini memberi ulasan khusus terhadap komen saya sebelum ini mengenai 'Merdeka'. Kepada Tun, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kali ini Tun meluang masa memberi perhatian khusus terhadap tulisan saya - seorang rakyat marhaen biasa. Selama ini saya menjangka sebagai seorang yang sibuk Tun pasti tiada kesempatan membaca keseluruhan komen bloggers dalam blog yg punya peminat paling besar di Malaysia ini. Rupanya tanggapan saya itu salah. Tun membaca dengan teliti & mengulas tulisan saya dengan cara yg begitu santun & santai. Ini mengingatkan saya pengalaman bekerja di agensi kerajaan pusat semasa Tun menjadi PM dahulu, di mana ramai pegawai bersetuju Tun seorang yang kuat membaca & mempunyai daya ingatan yg begitu kuat.

Sejak dahulu saya adalah seorang peminat Tun. Tun pasti tidak mengenali saya, apa lagi bila kita

sebagai blogger bersembunyi di balik nama yang isteri sendiri tidak pernah mendengarnya! Sebagai peminat, sudah banyak kali saya berkesempatan berjabat tangan dengan Tun - tangan yg begitu lembut, selebut sutera, berbeda dengan perwatakan Tun yang kelihatan keras & outspoken. Saya tidak berjabat tangan dengan Tun dalam majlis-majlis politik kerana saya bukan orang politik, tetapi saya banyak menemui Tun dalam majlis-majlis rasmi anjuran jabatan-jabatan kerajaan.

Saya memohon maaf jika ada tanggapan bahawa tulisan saya itu seperti tidak mengiktiraf perjuangan UMNO yang selama ini diagung-agungkn sebagai pejuang tunggal kemerdekaan. Saya juga bukan bermaksud perjuangan tulen perlu berpaksikan kekerasan & darah seperti yang cuba diterapkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan berhaluan kiri daripada Kesatuan Melayu Muda, Partai Kebangsaan Melayu Malaya, Partai Komunis Malaya dan pertubuhan-pertubuhan kiri lain. Saya juga tidak bermaksud kita perlu terpesona terhadap perjuangan kemerdekaan rakyat Indonesia, Burma, Vietnam dll yang memberi kemerdekaan dengan percikan darah rakyat.

Apa yang saya maksud dan impikan ialah negara ini perlu juga memberi pengiktirafan terhadap semua pejuang-pejuang kemerdekaan tanpa mengira dari parti & pertubuhan mana mereka wakili. Kerajaan tidak wajar hanya mengiktiraf perjuangan UMNO dan parti-parti berhaluan kanan sahaja yang merayu kemerdekaan daripada British secara lemah lembut dan melupakan pejuang-pejuang berhaluan kiri seperti Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad, Dr Burhanuddin, Ustaz Abu Bakar Baqir dan lain-lain. Ada nama-nama lain yang saya ingin sebut, dengan izin, umpamanya Rashid Mydin, Samsiah Sutan Fakih, Abdullah CD, Abu Samah, Chin Peng dan lain-lain, tetapi ia terlalu sensitif bagi sebahagian rakyat Malaysia yang begitu taboo dengan komunisme. Namun bagi saya sejarah tetap sejarah. Jika sejarah telah mencatatkan nama-nama besar seperti Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestamam, Ishak Hj Mohammad, Dr Burhanuddin, Abu Bakar Baqir, Rashid Mydin, Samsiah Sutan Fakih, Abdullah CD, Abu Samah, Chin Peng dan lain-lain sebagai pejuang yang rela menumpahkan keringat & darah, meringkuk di penjara meninggalkan keluarga tercinta atau diburu British hingga terpaksa lari ke hutan demi sebuah kemerdekaan, mengapa kita harus melupakan mereka? Hina sangatkah pejuang kiri yang berjuang dengan keringat, darah dan penjara atau hingga terpaksa lari ke belantara meninggalkan keluarga berbanding dengan pejuang UMNO yang berjuang secara rayuan penuh sopan santun?

Bagi saya sejarah adalah peristiwa lalu yang tidak perlu dipolitikkan. Perjuangan tokoh-tokoh pejuang UMNO bagi memerdekaan Malaya & Malaysia memang wajar dihargai dan tidak akan dilupakan. Tapi dalam masa yang sama janganlah pula kita lupa dan ketepikan sejarah pejuang kemerdekaan daripada parti dan pertubuhan yang bukan UMNO. Kebanyakan pejuang berhaluan kiri ini telahpun meninggal dunia. Semasa hidup mereka dan keluarga dilayan dengan begitu buruk oleh penjajah British dan kerajaan kita yang baru merdeka. Apa salahnya sekarang selepas setengah abad merdeka kita tidak lagi menipu sejarah dan mengenang kembali mereka yang kebanyakannya telah tiada itu.

MERDEKA!!!!MERDEKA!!!MERDEKA!!!

Semoga Tun & keluarga dirahmati Allah jua. Dan terima kasih sekali lagi kerana membaca tulisan saya.
By alice on August 29, 2008 11:35 AM

Dear Tun,

When I was a kid, you have been my idol. Everytime you appear in TV, I will sit and listen to your talk. I really miss the time when you are still our PM.

Now to see you appear and listen to your advised is very rare. Your blog really made my day. Now I can read about your article and know that a part of you still with us. Fighting and helping us Malaysian to understand the current political dilemma.

I really love your blog, here at least we can know that a lot of Malaysian is supporting your wisdom. You are the greatest leader.

Please don't stop sharing your knowledge. We still need you to help us Malaysian going thru this rough

patch.

Selamat Berpuasa!

By YSLim_1 on August 29, 2008 11:36 AM

Tetapi saya tidak bersetuju bahawa UMNO adalah pro-British (UMNO MENGUNAKAN TAKTIK BRITISH BERKENAAN "RULE & DIVIDE". UMNO MENGUNAKAN TAKTIK MELEMAHKAN ILMU PEMBELAJARAN TERUTAMANYA BAHASA INGGERIS DLL., KERANA KETIDAKINGINAN RAKYAT CELEK BAHASA TERSEBUT, KERANA RAKYAT YANG CELEK AKAN MEMPUNYAI TAHP PEMBACAAN YANG BERLELUASA, YANG MAMPU BERFIKIR. OLEH KERANA TAKTIK MELEMAHKAN, UMNO INGAT DAPAT MENGOKONG RAKYATNYA DENGAN TIPU HELAH MEREKA. UMNO/BN DAN KUNCU-KUNCUNYA SENTIASA MENIUP AJARAN-AJARAN PALSU MEREKA KERANA MEREKA INGATKAN RAYAKAT BODOH DAN MENGIKUT TUNJUK JARI MEREKA)

(SEKARANG) Tetapi tidak siapa boleh pertikaikan kemerdekaan kita (DARI UMNO). Bukan sahaja dapat kita bangunkan negara lebih baik daripada penjajah (UMNO/BN DAN KUNCUNYA), tetapi kita bebas menegur dan mengkritik penjajah (TETAPI DALAM 22 TAHUN, LAGI TERUK, "ISA" DIGUNAKAN, "AUKU" "OSA" DI GAZETKAN, LESEN SURATAHABR UNTUK KUNCU MU) bahkan bertindak memboikot penjajah (MASA 22 TAHUN PROTES DIHARAM DENGAN KENCAMAN KUKU DAN BESI) dan kuasa-kuasa Barat (22 TAHUN TABIK DADA KERANA MENENTANG BARAT, SEDANGKAN PROPAGANDA TEMPATAN DISELIMUTI DENGAN CARA MENGEWUKAKAN ISU PENENTANGAN BARAT) apabila mereka bertindak secara tidak adil atau ganas di mana-mana sahaja. Kita punyai pendirian kita tersendiri dalam dunia antarabangsa (MASA 22 TAHUN, PENDIRIAN TERSEBUT UNTUK MENGELIRU RAKYAT DAN MENYELIMBUNG MATA RAKYAT DARI HAL TEMPATAN).

UMNO mudah lupa jasa pejuang-pejuangnya (DALAM 22 TAHUN JUGA BEGINI, APATAH SEKARANG). Bukan sahaja UMNO dan Kerajaan pimpinan UMNOjasa Dato Onn Jaafar pun tidak dihargai (22 TAHUN BEGINI JUGA, TEPUK DADA TANYA SENDIRI).

Sesungguhnya orang Melayu dan UMNO mudah lupa dan kurang mengenang budi (PROPAGANDA YANG CUBA DIULANG-ULANGKAN, JANGAN INGAT RAKYAT TIDAK DAPAT BERFIKIR SENDIRI)(PROPAGANDA YANG TELAH BASI DEK HUJAN DAN MATAHARI)

SUDAHLAH.....

By seridewi on August 29, 2008 11:39 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun ,

Semoga sihat walafiat dan dikurniakan Allah SWT kekuatan dan kesihatan fizikal dan mental yg baik . Pemimpin UMNO skrg pengecut,ramai bermoral rendah , tidak ikhlas dlm perjuangan demi Allah,agama, bangsa dan negara .Akibat diulit kesenangan dan kemewahan dari usaha keras Ahnanda tun dan pemimpin dahulu memajukan negara , maka perjuangan dan nawaitu asal dilupakan. Ayahanda , izinkan sy membals komen sdr Syed500.Sy agak je ini mungkin jawapan Ayahanda . Sdr Syed500, berkenaan Anwar itu agen Yahudi , pergila blog <http://anwaribrahimdotcom.blogspot.com> atau link je dari web <http://www.mykmu.net> . Di situ si penulis memang telah membuat kajian terperinci siapa Anwar sebenarnya dan bukan main hentam keromo tanpa bukti .

Tentang komen kenapa Yahudi nakkan sgt negara kita , mewah sgt ke? Ya , negara kita sebenarnya kaya dgn sumber alam tapi bukan negara kita saja tapi alam Melayu. Lihat sajalah di Selatan Thai dan Mindanao di mana Melayu dan Islam ditindas dan dimana kedua wilayah itu kaya dengan minyak . Di samping itu terdapat rahsia lain lagi kenapa Yahudi dan Amerika begitu berminat dgn. negara kita. Sy harap jika sesiapa terbaca komen sy sudilah org Melayu dan Islam pergi ke <http://www.geocities.com/mzfr/ah/mula.htm> . Penulis tersebut telah mengupas sebab2 org Melayu telah ditimpah dugaan yg begitu hebat skrg.Maka renung2kanlah .

Ayahanda Tun , sy rasa Ayahanda lebih arif dari sy dlm bab ini dan lebih mengetahui .

Wassalam .

By sodoful on August 29, 2008 11:41 AM

TUN,

ANDA MUNGKIN TERKELIRU.PENIPUAN YANG DIULANG-ULANG BERKALI-KALI BAKAL DIANGGAP SEBAGAI KEBENARAN(TRUTH). SEBENARNYA TIDAK ADA SEORANG PUN ORANG MELAYU MODEN YANG BETUL-BETUL MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN.KEMERDEKAAN MALAYSIA BERLAKU SECARA KEBETULAN SAHAJA.

BRITISH DENGAN RELA HATI MENAWARKAN KEMERDEKAAN KEPADA SEMUA NEGARA JAJAHANNYA PADA TAHUN 1946 SEBAB 2 FAKTOR:

- 1) TIDAK TAHAN DENGAN KARENNAH MAHATMA GHANDI YANG MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN INDIA (INDIA MERDEKA PADA 1947).MAHATMA GHANDI TELAH MENUNJUKKAN KEPADA BRITISH BAHAWA BELIAU BOLEH MENGHENTIKAN SELURUH NEGARA INDIA DENGAN CARA NON-VIOLENCE.
- 2) KERAJAAN BRITISH MENJADI LEMAH SETELAH BERPERANG SELAMA 5 TAHUN DALAM PERANG DUNIA KE-DUA.

BRITISH DENGAN RELA-HATI TELAH MENAWARKAN KEMERDEKAAN PADA 1946.BOLEHLAH DISIMPULKAN BAHAWA MALAYSIA MERDEKA HASIL USAHA MAHATMA GHANDI....WALAUPUN GHANDI TIDAK PERNAH BERNIAT MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN MALAYSIA.

UMNO DITUBUH PADA TAHUN 1946 UNTUK "MEMBANTAH" KEMERDEKAAN TANAH MELAYU APABILA ADA URA-URA BAHAWA NEGARA BARU BERNAMA "MALAYAN UNION" BAKAL WUJUD.UMNO TIDAK RELA NEGARA BARUINI MEMPUNYAI ORANG CINA DAN INDIA SEBAGAI WARGANEGRANYA BERSERTA DENGAN SEGALA KEISTIMEWAAN SEBAGAI WARGANEGERA.

UMNO SANGGUP NEGARAINI DIJAJAH OLEH BRITISH ASALKAN KEDUDUKAN KAUM MELAYU TIDAK DISAMATARAFKAN DENGAN KAUM CINA DAN INDIA.

HASIL DARI USAHA UMNO, KEMERDEKAAN MALAYSIA "BERJAYA" DITANGGUHKAN SELAMA 10 TAHUN.

SEBENARNYA SAYA BERPENDAPAT BAHAWA DARAH CINA LEBIH BANYAK YANG TUMPAH DALAM USAHA MENGUSIR BRITISH(WALAUPUN DI BAWAH TIKET PARTI KOMINIS MALAYA).

WALAU APAPUN YANG SAYA TULIS, SAYA MUNGKIN TERSILAP.KALAU SAYA TERSILAP,SILA BETULKAN.SAYA TULIS APA YANG SAYA FIKIR BENAR
By hilariousAuthor Profile Page on August 29, 2008 11:41 AM

I know this is going to be out of topic,

The inter-equity among races, Chinese, Indian and Malay have improve dramatically.

But why do we still see hardcore poor Malays around? Its really boils down to the application of the NEP.

The Intra-equity between Malays (the difference in wealth among the Malays) is huge.

And thus we see some that lives in their beautiful castles and others whom are working just to make ends meet.

Want to blame anyone? Blame the government.

By hafiz on August 29, 2008 11:42 AM

Daripada kita buang masa sembang sana sini, saya cadangkan kita , blog commentor dan Tun sendiri menubuhkan gagasan Persekutuan Melayu Bersatu baru dgn bertujuan mendesak Pak Lah meletakkan jawatan dan bersihkan UMNO daripada manusia yg korup.

By GopenghagenAuthor Profile Page on August 29, 2008 11:44 AM

Salamat berpuasa buat Tun sekeluarga dan rakyat Malaysia.

Makna pejuang begitu sinonim dengan air mata mahupun darah. Kekuatan sesuatu bangsa terletak kepada intipatiinya. Apakah pembentukan intipati rakyat malaya melalui sesuatu bangsa sudah cukup kuat untuk menghadapi cabaran dilambung ombak.

13 Mei 1969 terbukti bangsa Malaysia belum cukup kuat. Adakah tarikh 29 Ogos 2008 sudah cukup kuat jika dibanding dengan peristiwa 13 Mei 1969? Kalau boleh penulis ingin benar jika Tun dapat mengulas soalan ini dengan keadaan Malaysia yang agak goyah sekarang.

Sambutan kemerdekaan 51 tahun pada tahun ini tiada maknanya jika 13 Mei 1969 berulang bak kata pepatah 'Yang menang dapat arang manakala yang kalah dapat abu'.

Penulis melihat proses indoktrine melalui proses pendidikan di Malaysia dianggap tidak berjaya kerana sekolah-sekolah integrasi gagal menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sekolah jenis kerajaan untuk bangsa Cina dan India diagung-agungkan dan sekaligus menghakis kekuatan solidariti integrasi bangsa. Bangsa Cina dan India mula menyemai dan menanam sifat kebencian di kalangan generasi muda mereka kepada bangsa lain kerana kurang memahami kebudayaan dan sensitiviti bangsa Melayu. Mereka juga mengambil contoh pemimpin generasi zaman sekarang yang sentiasa menjolok sarang tebuan tanpa melihat kesan negatifnya dengan mempertikaikan perjanjian Jus Soli oleh nenek moyang mereka.

Penulis bukan bersikap perkauman ataupun ultra Malay tetapi agak bimbang melihat situasi ini. Kerajaan perlu melakukan tindakan drastik bagi menghalang kepincangan ini daripada berlaku. Perlu kah dilakukan proses 'Panca Sila' seperti di negara Indonesia.

Apakah idea 'Immagined Community' seperti Anderson boleh diguna pakai di Malaysia. Kumpulan 'think-tank' di Malaysia semakin berani bersuara tanpa ada asas yang kukuh disebabkan dasar kerajaan Malaysia yang begitu kabur tanpa hala tujuan. Falsafah untuk membina komuniti Madani ataupun Islam Hadari begitu retorik sehingga kebanyakkan penjawat awam Malaysia pun tidak begitu memahaminya. Maka kesannya, sudah pasti rakyat Malaysia tidak dapat menghayatinya. Tun pernah menasihatkan pemimpin dari Balkan seperti Bosnia dan lain-lain untuk mengambil contoh kehormonian negara Malaysia sebagai satu batu asas dan contoh. Tetapi sekarang kekuatan bangsa Malaysia telah terhakis dengan keadaan politik yang begitu tenat maka tidak mustahil pada satu masa nanti akan berulangnya 13 Mei 1969. Dear, Tun please comment.UM

By CowenganakpilahAuthor Profile Page on August 29, 2008 11:46 AM

Aaalamualaikum buat Tun dan isteri yang saya sanjung tinggi dan hormati selalu. Semoga sihat sejahtera dan dirahmati Allah swt sentiasa.

Saya terpanggil untuk mencipta sajak ini memandangkan keadaan negara sekarang yang saya rasakan segelintir masyarakatnya seolah-olah telah dahagakan untuk merasa kesengsaraan seperti yang dirasai oleh nenek moyang kita terdahulu.

'MEMUJUK' dan 'MENYEDARKAN' adalah satu perkataan yang membawa pengertian yang berbeza. Dalam mengembalikan kejernihan dan keyakinan masyarakat, sekadar memujuk tidak berpanjangan kesetiaan sayang kepada negara, tetapi kalau membangkitkan kesedaran, InsyaAllah akan dapatlah terus menjulang kemerdekaan negara tanpa digangu gugat oleh anasir yang ingin memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara.

AKU BUKAN PENGKHIANAT BANGSA

Ku genggam
tanah bumi bertuah
bersama tekad sebat di jiwa
demi menjaga maruah bangsa
ku simpul mati
ikatan janji
aku bukan pengkhianat bangsa

langkah ku
tak akan songsang
pada jarak yang pasti
akal ku
tak akan kecundang
walau ditabur emas berguni
aku bukan pengkhianat bangsa
sanggup menggadai maruah negara

berpijak aku di bumi ini
bukan pencalar berulang luka
bukan perebut tamak haluba
bukan pencetus porak peranda
bukan perakus penghancur negara

tapi aku
anak bangsa merdeka
daun beralih muda
bersama tekad
menjadi benteng
menahan amukan rasa
menahan nafsu gelora
pada mereka yang jasadnya
tanpa jiwa
tanpa rasa
tanpa sayang
walau secalit kenangan

aku bukan pengkhianat bangsa
membuang permata yang ada
menabur kaca-kaca berbisa
menyubur sembilu melata
menjerat nyawa
pada yang tidak berdosa
By mantoba on August 29, 2008 11:50 AM

Salam TUN dan kawan2 Bloggers sekalian.
Selamat menyambut hari Kemerdekaan. MERDEKA!!.
Tidak lupa juga ucapan Selamat menyambut RAMADHAN AL MUBARAK.
TUN,
Perkara 1

Terima kasih menulis secebis warta sejarah akan pejuang2 kemerdekaan negara. Memang patut rakyat Malaysia mengetahui sejarah ini. Dan menghargai akan perngorbanan dan perjuangan orang2 ini. keseluruhan rakyat Malaysia mestilah berterima kasih dan menghargai akan jasa2 mereka2 ini. Mungkin kita tak mampu lagi nak berikan ganjaran pada mereka2 ini kerana kebanyakan mereka telah pun tiada. Tapi sekurang2 nya ingatan dan memberi pengitirafan dan meletakan mereka sebagai pemimpin2 tersohor diphatkan didalam buku2 sejarah tanah air.

Anggap lah apa yang telah mereka lakukan untuk membebaskan negara ini dari British dan meninggalkan kejayaan itu untuk diteruskan oleh kita ketika ini sebagai satu WASIAT dan HARTA PUSAKA untuk di jaga dan diuruskan dengan baik.

Kita telah diamanahkan untuk terus mempertahankan wasiat ini walau apa cara sekali pun. Amanah ini tak boleh digadai atau di jual beli.

Andai nya gagal mempertahankan nya saya khawatir kita akan hilang semula kemerdekaan dan segala harta pusaka nenek moyang kita.

Tidak ada lebih berharga selain dari bumi bertuah ini.

Perkara 2

Saya terpanggil nak beri komen pada beberapa entries yang celupar dan sentiasa mengkritik Tun tanpa ada apa2 asas.

Untuk sijangkan khas nya.

Tak payah lah komen macam tu, sompong dan besar diri. Tun tak sompong macam kamu. Dan tak takut pun dengan apa yang kamu tulis. Hampas saja, tak ada apa isi pun. Tak ada pun kontroversi nya artikel Tun kali ini. Cuma untuk mengingati Pejuangan kemerdekaan sahaja. Yang kamu lari tajuk dan cuba pula belit2kan cerita dan fakta tu apa hal. Dan dengan sompong lak mengajak membuka blog kamu untuk beri komen. Puih!! usahlah syok sendiri. Takl ada masa nak layar blog kamu.

Kamu ni tak ada langsung ker sifat mengenang budi atau taat setia pada seseorang ke... Kamu ni tak pernah ke ada perasaan taat pada mak bapak atau isteri kamu.

Taat setia hanya pada negara konon. Apa kamu ni seorang pemimpin atau parajurit ke yang ada pengobanan atau jasa2 yang boleh diiktiraf sebagai orang2 yang berjasa. Nyatakanlah identiti kamu agar kami boleh meletakkan nama kamu sebaris dengan mereka2 yang telah berjasa pada rakyat dan negara.

Orang jenis kamu ni dah memang kumpulan orang yang ada kelulusan PHD. Semua orang tak betul. kamu saja yang betul dan pandai. Tapi tak jadi PM Malaysia pun.....

Kalau TUN tulis bahasa nya Ayam tu berkaki dua dan Keldai tu berkaki empat. Fakta hukum alam. Saya pasti kamu tak setuju. Kamu akan kata ada jenis ayam yang berkaki empat dan ada jenis keldai berkaki dua.

Tapi apa yang kamu lihat dengan hati buta kamu tu adalah ayam yang berkaki empat tu ialah MUSANG yang berbulu ayam. Dan keldai berkaki dua tu... MANUSIA yang bodoh, degil lagi pemalas....

Awak tulis lah saja dalam blog sendiri tak payah lah nak mempengaruhi kami akan kebodohan kamu tu dalam blog TUN.

Puasa ke Tak tahun ni? sorry ler he..he..

By akumelayu84 on August 29, 2008 11:52 AM

Assalamualaikum...

Kini melayu MERDEKA kerana tidak dijahah oleh penjajahan fizikal spt zaman jepun, british mahupun komunis... tetapi kini melayu telah dijahah kembali dengan penjajahan fikiran(peluru yg di lepaskan oleh yahudi)untuk melemahkan bangsa kita.... setelah ketidaaan pemimpin seperti TUN... melayu kini makin lemah, fikiran mereka tiada lagi erti MERDEKA.. dahulu, BILA SEBUT SAHAJA MELAYU, PASTI ISLAM, tetapi kini melayu sudah mula pudar dari agama serta adat budaya.. mereka terlalu taksub dgn sesuatu kepimpinan spt Anwar Ibrahim dan lain2... taksub berlebihan ini juga boleh melarikan akidah kita sebagai umat islam..

saya sebagai pemuda melayu telah mula terbayang akan kehidupan negeri anak2 bangsa melayu yg akan dtg jika keadaan ini berterusan...

kerinduan kami terhadap kepimpinan TUN amat mendalam.. dizaman TUN kami berasa benar2 selamat dan aman dlm menjalani kehidupan.. inilah erti KEMERDEKAAN sebenar yg dpt saya rasai...

saya berdoa agar TUN sihat sentiasa..

aku melayu - " hidup bersendi adat, adat itu bersendikan syarak, dan syarak pula bersendikan kitabullah "

By redzuanahmad on August 29, 2008 12:03 PM

Salam Tun,

Saya sangat setuju dengan ungkapan Tun "Melayu mudah lupa". Semasa susah ramai orang melayu mengharap bantuan kerajaan tetapi apabila sudah senang mula lupa diri/asal-usul dan sompong. Dan paling menyedihkan lupa jugak pada ibu bapa dikampung. Hari ini orang melayu menjadi lupa lagi apabila sesama melayu bergaduh kerana politik atau kuasa untuk kepentingan diri dan kaum kerabat.

Merdeka dan Salam Ramadhan

By azmany on August 29, 2008 12:03 PM

Freedom fighters..... now that is a term that we tend to hear nowadays. Looking at other people's countries: freedom fighters in Iraq, Palestine and Afghanistan are called terrorists by the Western media. What about freedom fighters in Southern Thailand, Tibet and Georgia?

In pre-independence Malaysia, Tun has mentioned a few names of freedom fighters who are not in the mainstream UMNO politics. They hold fast to their belief which differ from those that joined UMNO. Will that make them less of freedom fighters? I believe their existence provided threat to the British which then chose to work with UMNO which provides the less threat to them.

In today's scenario, I hope the emergence of serious threat posed by PAS and PKR will provide incentive to the current leaders to improve themselves. It is human nature to work best when they are under grave threat and UMNO certainly is in grave threat today.

If it failed to react and improve themselves, the political party deserve to go the grave. Human history has proven that in the past: where is the great Greek, Turkish, Majapahit, Spanish civilization? They were great, got complacent and now are just history. Today, their grandchildren still exist but live so-so only lah.

Will we be consigned to the history grave yard soon and our grand children can only read of our colorful years of the 1980s-2000s? We are currently writing the history book and let's hope Anak Kecil bukan Bermain Api...

By imleh on August 29, 2008 12:04 PM

Berbulu aku tengok aksi Uncle Lim di Parlimen dalam TV semalam. Cuma tahu nak buat havoc kat parlimen. Klo macam tu baik tak payah jadi wakil rakyat. Setakat nak buat bising utk dapat perhatian, baik ajak ahli sarkas utk meriahkan parlimen. Macam tu punya pemimpin pun ada melayu nak sokong..Malaysian Malaysia.Ptuihh..

By azam on August 29, 2008 12:04 PM

pak lah membuat UMNO semakin lemah dah lari dari matlamat yang asal.pak lah membuat org melayu sendiri tidak percaya pada UMNO lagi.UMNO pada masa ini perlukan ketua yg bebetul cekap dan berkebolehan,tapi persoalannya siapa org yg paling layak dan berkebolehan?jika ada pon bille?

By anakteja2 on August 29, 2008 12:10 PM

Assalam Tun;

We miss u and your touch.....

Anakteja

By raizul on August 29, 2008 12:11 PM

Salam Tun dan keluarga

Terima kasih kepada Tun kerana mengelurakan artikel ini yang benar-benar menyentuh perasaan saya. Saya berkali-kali bercakap mengenai isu ini iaitu supaya mengenag jasa pejuang terdahulu, barulah keberkatan merdeka itu dapat kita nikmati, tetapi pada hari ini, penghayatan kemerdekaan dan program mengenang jasa pejuang kemerdekaan amat hambar. Umat Islam / melayu perlu percaya

perkara-perkara ghaib iaitu kita perlu mengambil berkat orang terdahulu, sentiasa fatihah kepada mereka. Tetapi ini amat jarang diamalkan oleh umat sekarang.

Apapun saya mengucapkan terima kasih tak terhingga kepada Tun yang menjadi penyambung kegemilangan yang dirintis oleh pejuang kemerdekaan yang lalu seperti semua para ulama, Pendeta Zaaba, Dato Onn, Hamzah Abdul , Tun Dr. Ismail, Nik Kamil, Panglima Bukit Gantang Wahab, Abdul Rahim Kajai dan ramai lagi termasuk datuk saya penentang Malayan Union Allahyrahah Haji Ghazali bin Diae.

By w2n2-1978 on August 29, 2008 12:13 PM

Assalamualaikum...

Ayahanda Tun, sy bukannya tau sgt pasal politik ni., tp apa yg sy hendak smpi kan kat sini cuma luahan perasaan sy terhadap fenomena politik sekarang. sy mmg mengundi untuk UMNO tetapi suami sy sudah bertukar arah lain sejak undi yang baru ini, dimana keputusan pilihanraya kali ini amat mengejutkan..sy faham kenapa suami sy beralih arah..tidak semua org punya sebab yang sama walaupun pada sy tindakannya itu seperti marahkan nyamuk kelambu dibakar, tapi bila difikir2 kan balik mmg zaman sekarang ini UMNO yang ada sudah tak telus..sudah tak sama dengan yg dulu..byk yang pincang, tak seperti zaman mak saya berjuang dalam politik dulu.

Pada sy apa yg berlaku pada pilihanraya baru ni perlu dianggap sebagai satu tampanan hebat dan diambil sebagai "wakeup call" untuk org2 UMNO yang dah terlalu lama leka dan alpa dgn segala kesenangan dan kemudahan yang sudah lama dimiliki..rakyat yang merasa susahnya..jgn ingt org muda sekarang ni akan jadi mcm lembu di cucuk hidung..mereka skrng ni dh pandai bgun dan memberontak walaupun dengan cara yang salah,sudah pandai memberi pandangan dan pendapat sendiri, org muda sekarang ini tidak lagi mengikut susur galur keturunan mereka yang selama ini pada mereka buta2 memngkah UMNO kerana mmperjuangkan hak org melayu memperjuang kan kemerdekaan..tidak lagi..itu lama dulu..itu zaman dulu, zaman dah berubah,manusia pun berubah cuma UMNO je yang tak berubah2 kepada yang yang lebih terbuka dan telus memperjuangkan hak rakyat, jangan hanya berjuang untuk keluarga mereka sendiri sahaja.

Rakyat dah bosan dgn stail kronik yang berleluasa dlm UMNO sendiri..masalahnya melayu sama melayu pun nak bertikam belakang! apa dah jadi dgn semangat bersatu!nak berebut kuasa dlm cawangan atau bahagian masing2 sanggup tikam menikam bermasam muka sesama sendiri..apa sudah jadi!!!UMNO dari dlm sendiri dah berpecah mcm mana nak satukan rakyat..UMNO dari dalam sendiri bertelagah satu sma lain!! mcm mana nak bela rakyat??

kalau inilah senarionya sekarang ni..tak mustahil negara kita akan diperintah org bukan melayu suatu hari nanti!masa tu org melayu akak menyalahkan satu sama lain, menganga, melopong bila tanah tumpah darah sendiri dicuri hak dan keistimewaan nya di depan mata org2 melayu sendiri.

Saya yang kecewa..tapi masih setia bersama UMNO
hanya kerana mengenang jasa dan budi baik yang telah dicurahkan oleh Tun terhadap negara
tercinta...kerananya saya sanggup membela walaupun terpaksa berjuang berseorangan :(

By Mis_bah on August 29, 2008 12:15 PM

Assalamu Alaikum,

Tun, Pada saya salah satu cara penghargaan yang boleh kita berikan pemimpin dan pejuang-pejuang agung kita dengan mempertahankan setiap inci apa-apa hasil perjuangan mereka. Jika kita biar Umno hancur, itulah bukti terbesar kita tak hargai perjuangan pejuang-pejuang kita yang lalu. Saya saya, pejuang-pejuang kita yang lepas tidak melihat pangkat, darjah dan wang untuk peribadi sebagai matlamat perjuangan mereka. Jika boleh di "list" kan keutamaan perjuangan pemimpin lepas, saya berpendapat wang, pangkat, nama, populariti ialah yang terakhir sekali. Ini sudah berbeza dengan pemimpin Umno hari ini. Saya masih ingat kata-kata Tunku Abdul Rahman semasa di temuramah RTM mengenai ugutan dan tuntutan pihak tertentu supaya bahasa mereka turut dijadikan bahasa kebangsaan. Jawapan Tunku kepada ugutan itu Apa? "Awak ini seperti meletakkan pistol di kepala saya. Nak tembak, tembaklah, saya nak tengok. Masih adakah pejuang kita sekarang seberani dan sekental Tunku dalam soal mempertahankan keistimewaan orang-orang Melayu dan Islam? Kalau orang kata kita Melayu mudah

lupah, saya yakin masih ada harapan untuk kita supaya kita jangan mudah lupa, walaupun mungkin ini susah.

By samuraimelayu on August 29, 2008 12:22 PM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,

Izinkan,

By syed500 on August 28, 2008 7:00 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN DAN SEMUA....

SEBENARNYA TUN, DISINI SAYA INGIN KELUAR TAJUK SIKIT NAK MINTAK TUN KOMEN SIKIT MENGENAI APA MASALAH SEBENAR DGN DATO' SERI ANWAR SEHINGGA TUN AMAT MEMBENCI BELIAU.SAYA AMAT KURANG JELAS DGN APA YG SEDANG BERLAKU. DAKWAAN AGENT YAHUDI,DAN LAIN LAIN AGENT TAK MUNASABAH...

Kami ada membuat keterangan kepada komen sdr.'Godfather' tentang issue DSAI yang mungkin boleh memberi 'makanan' benak kepada kemyuskilan tuan lebih kurang begini bunyinya:-

By Godfather on August 28, 2008 8:23 AM

You folks want to know why Tun sacked Anwar in 1998 ? It had nothing to do with sodomy ! The straw that broke the camel's back was the Asian financial crisis which saw the RM plummet against the US Dollar. Anwar wanted to follow the IMF prescription to allow market forces to let the RM fall drastically.. Kata kami,

...'AYAHANDA ONCE SAID SOMETHING TO THIS EFFECT. WE CAN CHALLENGE OR FIGHT FOR THE POWER AMONGST US IF WE WANT TO BUT NEVER EVER ALLOW THIS BELOVED COUNTRY OF OURS BE COLONISED AGAIN'

MAY WE ASKED YOU WHY WERE PEOPLE LIKE AL GORE AND ALBRIGHT AS 'GUESTS' TO THE NATION CUD BE SO RUDE AND DISRESPECTFUL? AND WHY DID COHEN HONOURED ANUAR IBRAHIM(THEN THE DPM) A 21-GUN SALUTE AND A RED CARPET TREATMENT?...

IMF ... YAYASAN KEWANGAN ANTARABANGSA 'BARUAH' KEPADA YAHUDI AL GORE, ALBRIGHT, COHEN (THE DICK).. ORANG2 PENTADBIRAN WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT.

HARAP TUAN BOLEH JADIKAN KOMEN2 KAMI SEBAGAI ASAS JAWAPAN KEPADA PERMASAALAHAN.

SELAIN MENGINGATI PEJUANG2 KEMERDEKAAN, INGKATKAN JUGA PENJUANGAN BANGSA YANG BELUM SELESAI.

Al fatihah, Amin yaarobbal alamin.

By Ahmad ZacxAuthor Profile Page on August 29, 2008 12:23 PM

"Petikan dari Buku ONN JAAFAR, PEJUANG TERBILANG"

Termaktub di Batu Pahat pada 8 Rabi'tul awal 1365 hb bersamaan 10 februari 1946 masihi

- * Kami umat Melayu beragama Islam pada hari ini,
- * Berjanji tidak akan berhasad dengki, khianat dan iri hati,
- * Bertelahah dan berbalah sesama sendiri
- * Kami berjanji akan bersatu padu dan patuh menegakkan agama Islam
- * Kami juga akan bekerja kuat untuk menyara diri dan keluarga kami
- * Kami bersedia bersaing sesama umat Melayu dan kaum-kaum lain dengan jujur dan terhormat
- * Kami umat Melayu, Islam bersumpah setia untuk :

1. Mempertahankan kepentingan dan hak Melayu

2. Mempertahankan kedaulatan raja-raja Melayu
3. Memperjuangkan iktisad dan pelajaran bangsa Melayu
4. Mempertahankan maruah negara supaya aman sejahtera

Siapakah yang kini benar-benar ikhlas memperjuangkan Bangsa Melayu Islam?

UMNO?

Asalnya nak bebaskan Tanah Melayu dari Malayan Union, Nak majukan Melayu setanding dengan bangsa lain didunia, Tapi bila dah lama sangat berkuasa, semakin ramai yang berjuang untuk kekayaan diri sendiri, masuk UMNO sebab nak kaya.. fikirkanlah...

PAS?

Idea asalnya nak perjuangkan Negara Islam, Namun hakikatnya Politik Demokrasi bukanlah cara Islam, bukan sunnah Rasulullah SAW mentadbir negara... apabila Islam dipolitikkan, fitnah, mencaci dan menghina dibenarkan atas tiket politik, maka orang-orang Islam terutamanya melayu jadi mangsa... Ulama keluarkan pendapat untuk kepentingan Parti dan cantas lawan walaupun lawan dah ikut lunas-lunas Islam... fikirkanlah...

PKR?

